



**250 SOAL
JAWAB
AGAMA
MENUJU JUTAWAN
AKHIRAT**



MOHD SABRI BIN ALIAS

Hakcipta Terpelihara © Jun 2020

Kolej Komuniti Jempol

Kementerian Pengajian Tinggi

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki atau disiarkan dalam mana-mana bentuk atau dengan mana-mana alat elektronik, mekanikal fotokopi, perakaman atau yang sebaliknya, tanpa keizinan dari Kolej Komuniti Jempol, Kementerian Pengajian Tinggi.

Diterbit dan Diedar Oleh : Kolej Komuniti Jempol, Negeri Sembilan.

eISBN 978-967-16454-7-5



ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
SINOPSIS	i
BIOADATA PENULIS	ii

250 SOAL JAWAB AGAMA MENUJU JUTAWAN AKHIRAT

BAB 1 : SEDEKAH JARIAH	1
BAB 2 : ILMU YANG BERMANFAAT	14
BAB 3 : ANAK YANG SOLEH	41

SINOPSIS

Penulisan soal jawab agama ini ditulis bertujuan untuk mendapat suntikan semangat dan motivasi tentang apakah amalan-amalan yang akan mendapat menyelamatkan kita semasa berada di alam barzakh. Alam barzakh merupakan alam perantaran atau alam persinggahan dan persempadanan dunia menuju akhirat. Di sinilah roh-roh yang telah meninggal dunia akan disoal siasat oleh malaikat Munkar dan Nakir. Roh yang baik akan ditempatkan bersama roh para nabi, orang yang benar, orang yang mati syahid dan roh orang yang soleh.

Soal jawab ini mengandungi **250 soalan** bertujuan untuk berkongsi amalan – amalan yang perlu dilakukan semasa hidup di dunia kerana ada tiga amalan yang akan menyelamatkan kita di alam barzakh iaitu ***sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan doa anak yang soleh.***

Wahai muslimin dan muslimat, sesungguhnya hidup kita di dunia ini hanyalah sementara dan umur umat nabi kita Muhammad SAW tidaklah panjang seperti umat terdahulu yang hidup beratus – ratus tahun. Umur umat Nabi Muhammad SAW sekitar 60an dan 70an . Tidak ramai yang lebih dari umur tersebut, maka dengan ini selagi hayat dikandung badan gunakanlah nikmat umur, masa dan nikmat kesihatan yang dikurniakan Allah kepada kita dengan melakukan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

Buku soal jawab ini ***sangat ringkas dan mudah difahami*** bagi memudahkan pembaca memahami. Rujukan utama adalah berlandaskan al-Quran, hadis dan kisah para sahabat . Mudah-mudahan dengan adanya buku **250 SOAL JAWAB UNTUK MENUJU JUTAWAN AKHIRAT** ini menyuntik semangat kepada kita untuk membuat sesuatu amalan terbaik untuk kita persembahkan kepada Allah S.W.T. Sesungguhnya untuk masuk syurga itu datangnya dari rahmat dan kasih sayang-Nya kepada hamba-Nya.

Segala kekurangan dan kekhilafan datangnya dari diri saya sendiri dan memohon petunjuk dan keampunan dari Allah S.W.T . Sesungguhnya ilmu Allah S.W.T maha luas dan bersamalah kita memohon agar kita sentiasa beroleh taufiq dan hidayah dari Allah S.W.T. **SELAMAT BERAMAL.**



BIOADATA PENULIS

Mohd Sabri bin Alias dilahirkan di Seremban pada 24.01.1971. Berasal dari Dangi Johol, Negeri Sembilan. Mendapat pendidikan dari Maahad Ahmadi Gemencheh yang dikenali dengan Sekolah Menengah Agama Atas dan Empat Thanawi. Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Empat Thanawi dan Sijil Pelajaran Agama sebelum melanjutkan pengajian ke Universiti Al Azhar, Cairo, MESIR dalam bidang Undang- Undang Islam (Syariah Islamiah) pada tahun 1991. Setelah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari Universiti Al-Azhar Mesir, beliau melanjutkan pelajaran dan mengambil Diploma Pendidikan dan Kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada tahun 2003 di tawarkan sebagai pensyarah di Kolej Komuniti Jelebu dan pada tahun 2008 sebagai pensyarah di Kolej Komuniti Jempol. Pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Unit Pengajian Am dan Ketua Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat . Pada tahun 2016 ditawarkan untuk menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengarah Pengurusan di Kolej Komuniti Jempol sehingga kini.

Mendapat tauliah mengajar seluruh surau dan masjid seluruh Negeri Sembilan dari Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, menjadi Pasukan Sukarelawan Dakwah dan penceramah anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Aktiviti harian selepas waktu bekerja, mengajar agama (kelas takmir) di masjid dan surau, sering diundang untuk menyampaikan ceramah dan motivasi di Jabatan Kerajaan, Swasta, Persatuan NGO, Pondok, Pusat Tahfiz, sekolah-sekolah, IPD Polis, Jabatan Penjara, Pusat Serenti, Pulapol dan sering juga diundang sebagai Moderator dan ahli Panel Forum Perdana Hal Ehwal Islam.



BAB 1

SEDEKAH JARIAH

1. Apakah yang dimaksudkan dengan sedekah jariah?

Dari segi bahasa sedekah bermaksud pemberian ikhlas dari hati yang bersih manakala pada istilah pula ialah pemberian semata mata tujuan kerana mendekatkan diri kepada Allah dan untuk mendapat keredaan Allah. Jariah pula bermaksud mengalir kerana sedekah tersebut bersifat kekal dan manfaatnya boleh digunakan walaupun penyumbangny telah meninggal dunia.

2. Apakah dalil sedekah jariah itu akan mengalir pahalanya walaupun penyumbangny telah meninggal dunia ?

Hadis dari Abu Hurairah R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Maksudnya “Apabila meninggal anak Adam terputuslah amalannya kecuali tiga perkara sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya”.
(Riwayat Muslim :1631)

3. Apakah bentuk bentuk sedekah jariah ?

Hadis dari Abu Hurairah R,A bahawa Rasulullah SAW bersabda : Sesungguhnya yang didapati oleh orang yang beriman dari amalan dan kebaikan yang dilakukan oleh orang yang meninggal dunia adalah

- Ilmu yang diajarkan dan disebarkan
- Anak yang soleh yang dia tinggalkan
- Mushaf al –Quran yang dia wariskan
- Masjid yang dibina
- Rumah bagi Ibnu sabil (musafir yang terputus perjalanan) yang dia bina
- Sungai yang dia alirkan
- Sedekah yang dia keluarkan dari harta ketika dia sihat dan hidup

Semua itu akan dihubungkan dengannya setelah dia mati
(Riwayat Ibn Majah : 242)

4. Apakah kelebihan orang yang bersedekah?

Firman Allah SWT: Maksudnya "Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah s.w.t dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi yang ditimpa hujan yang lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau dia dtimpa hujan yang lebat maka hujan renyai renyai pun (cukup untuk menyiraminya) .Dan ingatlah, Allah s.w.t sentiasa melihat apa yang kamu lakukan ".(Surah al Baqarah : 265)

5. Apakah kelebihan sedekah jariah kepada ummah?

- Membantu mereka yang kurang upaya
- Membina masyarakat yang perihatin
- Memupuk budaya kasih sayang sesama insan
- Membantu meningkatkan kestabilan ekonomi negara
- Membina kesatuan ummah
- Negara akan sentiasa berada dalam rahmat dan kasih sayang Allah

6. Apakah pengertian waqaf?

Waqaf dari segi bahasa bererti tahan. Dari segi syara' waqaf bermaksud menahan harta yang boleh dimanfaatkan dan kekal fizikalnya dengan melepaskan milik kepada pengurus yang harus dan wujud.

7. Berikan dalil pensyariatan waqaf ?

Firman Allah SWT yang bermaksud : "Kamu tidak sesekali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan (mendermakan) sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan apa jua sesuatu yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah s.w.t maha mengetahuinya.
(Surah Ali Imran : 92)

8. Apakah hikmah disebalik pensyariatian waqaf?

- Orang yang berwakaf ini sebenarnya dia telah nampak kehidupan yang kekal abadi di akhirat. Sekiranya golongan ini ikhlas membelanjakan hartanya di jalan Allah, mereka akan mendapat ganjaran yang berlipat kali ganda dan mendapat keredaan Allah SWT.
- Kehidupan di dunia adalah sementara sahaja. Mereka yang berwakaf ini amalan dia tidak akan terputus walaupun mereka telah meninggal dunia.
- Mereka yang berwakaf seperti membina masjid, sekolah, pondok, pusat tahfiz dan sebagainya adalah golongan yang mengejar saham akhirat di mana kehidupan yang kekal abadi buat selama lamanya.
- Mereka dapat membantu golongan yang memerlukan untuk meneruskan kehidupan mereka seperti fakir miskin, anak-anak yatim dan mereka yang memerlukan bantuan.

9. Berapakah rukun waqaf?

Rukun waqaf ada empat iaitu

- Pewaqaf
- Harta yang diwaqafkan
- Penerima waqaf
- Sighah waqaf

10. Apakah syarat pewaqaf?

- Sah interaksinya
Pewaqaf mestilah merdeka, baligh dan berakal.
- Berkelayakan menyumbang
- Secara sukarela

11. Bolehkah kanak-kanak yang mumaiyiz atau orang gila mewaqafkan hartanya?

Tidak sah kanak-kanak mumaiyiz atau orang gila mewaqafkan hartanya walaupun dilakukan oleh penjaga mereka.

12. Apakah hukumnya orang yang lemah fikiran atau seseorang yang mufliis mewaqafkan hartanya?

Tidak sah kerana mereka tidak dibenarkan mengurus dan membelanjakan harta mereka. Ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan janganlah kamu serahkan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu kepada orang yang belum sempurna akalnya, (harta) yang telah Allah jadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu”. (Surah al Nisa’ : 5)

13. Bolehkah seseorang pesakit kronik yang tiada harapan untuk sembuh yang boleh membawa kepada kematian untuk berwaqaf?

Tidak boleh berwaqaf lebih daripada satu pertiga demi menjaga hak pewaris dan harta pusaka. Jika satu pertiga atau kurang darinya dibenarkan untuk pesakit tersebut menerima ganjaran di akhirat. Berlandaskan hadis yang bermaksud “Daripada Sa’ad bin Abi Waqqas ra katanya ”Pada tahun Hajjatul Wada’ Rasulullah SAW menziarahiku kerana sakitku yang semakin tenat. Aku berkata, penyakitku semakin tenat dan aku mempunyai harta sedangkan aku hanya diwarisi oleh seorang anak perempuan. Bolehkah aku mewaqafkan dua pertiga hartaku?Jawab baginda, tidak. Aku bertanya lagi, separuh?Jawab baginda, tidak.Kemudian Baginda bersabda, satu pertiga, satu pertiga itupun besar atau banyak. Sesungguhnya engkau tinggalkan warismu dalam keadaan kaya lebih baik daripada engkau tinggalkan mereka melarat dan meminta- minta belas ihsan orang ramai. (Riwayat al Bukhari (1233) dan Muslim (1628).

14. Bolehkah orang kafir berwaqaf?

Mengikut ulamak mazhab Syafi’i sah berwaqaf daripada seorang kafir walaupun untuk masjid kerana orang kafir termasuk dalam golongan yang berkelayakan untuk menyumbang. Mereka mendapat ganjaran sumbangan di dunia tetapi di akhirat mereka tidak mendapat apa apapun. Ini berlandaskan hadis yang bermaksud “ Daripada Anas bin Malik katanya, Sabda Rasulullah SAW, Allah tidak mengabaikan kebaikan seseorang mukmin. Dia akan diberi ganjaran di dunia dan di akhirat, manakala orang kafir menerima ganjaran kebaikan yang mereka lakukan kerana Allah semasa di dunia sahaja. Apabila di akhirat tiada lagi ganjaran yang diberikan kepadanya.” (Riwayat Muslim :2808)

15. Apakah syarat syarat harta yang diwaqafkan?

- Harta tertentu
- Milik pewaqaf dan bermanfaat
- Manfaat berterusan
- Manfaat yang harus

16. Bolehkan mewaqafkan harta dalam tempoh tertentu seperti mewaqafkan rumah dalam masa dua tahun sahaja?

Tidak sah mewaqafkan manfaat tanpa hartanya sekali. Harta adalah perkara pokok sedangkan manfaat adalah perkara cabang sahaja. Selagi harta dimiliki oleh pewaqaf maka manfaatnya masih menjadi hak miliknya.

17. Apakah hukumnya mewaqafkan harta dalam keadaan tidak ditentukan seperti mewaqafkan sebahagian tanah miliknya.

Tidak sah mewaqafkan harta yang tidak ditentukan kerana harta yang diwaqafkan tidak dikenal pasti.

18. Adakah sah mewaqafkan janin haiwan yang masih dalam kandungan ibunya?

Tidak sah mewaqafkan janin haiwan yang masih dalam kandungan perut ibunya melainkan mewaqafkan sekali ibunya.

19. Adakah sah mewaqafkan pakaian yang lusuh yang tidak mendatangkan manfaat kepada orang lain?

Tidak sah kerana tujuan berwaqaf adalah untuk manfaat orang ramai sedangkan harta tersebut tidak ada faedahnya.

20. Apakah hukum mewaqafkan sebuah van untuk dijadikan van jenazah di masjid?

Sah hukumnya untuk dimanfaatkan untuk kegunaan masjid.

21. Apakah hukumnya mewaqaqkan seekor binatang yang masih kecil ?

Sah hukumnya kerana boleh dimanfaatkan pada masa hadapan kerana tidak disyaratkan manfaatnya serta merta.

22. Apakah hukumnya mewaqaqkan alat hiburan yang melalaikan?

Tidak sah kerana konsep waqaf adalah untuk menambahkan ketaqwaan kita kepada Allah sedangkan alat tersebut boleh melalaikan kita dari ingat kepada Allah SWT.

23. Apakah hukumnya pemerintah mewaqaqkan tanah milik baitulmal apabila melibatkan kepentingan orang Islam?

Harus hukumnya apabila melibatkan kepentingan orang Islam dikecualikan amalan ini daripada syarat hak milik pewaqaq. Ini berdasarkan perbuatan Saidina Umar bin Al Khatab pernah mewaqaqkan tanah di Iraq.

24. Apakah hukumnya mewaqaqkan harta tak alih seperti rumah, kedai , perigi dan sebagainya?

Harus hukumnya selagi ia boleh mendatangkan manfaat kepada orang Islam sama ada ketika ini atau pada masa akan datang. Inilah yang dilakukan oleh para sahabat yang sentiasa berlumba –lumba untuk berwaqaq terutamanya mereka mewaqaqkan tanah, rumah dan perigi.

25. Adakah sah mewaqaqkan harta alih ?

Sah hukumnya mewaqaqkan harta alih seperti haiwan, peralatan perang, pakaian, buku –buku dan kenderaan. Ini berlandaskan hadis dari Abu Hurairah ra” Adapun Khalid, kamu semua menzaliminya. Dia sebenarnya telah mewaqaqkan semua perisai dan peralatan perangnya pada jalan Allah.” (Riwayat al Bukhari (1399) dan Muslim (987).

26. Apakah hukumnya mewaqaqkan harta milik bersama?

Sah hukumnya mewaqaqkan harta milik bersama, sama ada harta alih atau harta tak alih, sama ada diwaqaqkan oleh seorang atau ramai. Ini berlandaskan hadis daripada Ibn Umar ra katanya, kata Umar ra kepada Nabi SAW seratus bahagian

yang aku perolehi di Khaibar merupakan harta yang amat aku kagumi dan aku mahu sedekahkannya. Jawab baginda, waqafkan tanahnya dan sedekahkan hasilnya.” (Riwayat al Nasa’i (6/230 dan 231).

27. Berapakah golongan penerima waqaf?

Terbahagi kepada dua iaitu penerima khusus dan penerima tidak khusus. Penerima khusus syaratnya boleh diberi milik ketika harta diwaqafkan kepadanya dan penerima tidak khusus seperti kelompok masjid atau sekolah dengan tujuan beribadah kepada Allah.

28. Adakah sah berwaqaf kepada adiknya sedangkan adiknya tidak wujud?

Tidak sah kerana adiknya tidak wujud.

29. Adakah sah waqafkan al Quran kepada orang kafir?

Tidak sah kerana tidak harus dimiliki oleh mereka.

30. Adakah sah mewaqafkan hartanya kepada diri sendiri?

Tidak sah kerana menghasilkan sesuatu yang sudah terhasil kerana harta tersebut merupakan miliknya.

31. Adakah sah berwaqaf kepada rumah ibadah orang kafir seperti membina gereja dan rumah ibadat yang lain?

Tidak sah kerana ia merupakan kerja maksiat yang bertentangan dengan tujuan berwaqaf.

32. Bolehkah mewaqafkan harta kepada perompak?

Tidak boleh kerana hanya membantu mereka mengembangkan maksiat dan telah lari dari konsep dan tujuan berwaqaf.

33. Bolehkah mewaqafkan hartanya kepada orang kaya?

Harus mewaqafkan hartanya kepada orang kaya kerana ia bukan perbuatan maksiat kepada Allah dan merupakan pemberian hak milik.

34. Bolehkah mewaqafkan hartanya kepada orang miskin?

Orang miskin layak menerima harta waqaf sebagaimana mereka juga layak menerima zakat.

35. Apakah hukum berwaqaf untuk membina binaan di kubur?

Tidak sah kerana mereka yang mati akan binasa dan hanya sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat serta doa anak yang soleh . Mengukir binaan di kubur hanya boleh mendatangkan pembaziran. Elok diwaqafkan hartanya ke jalan yang diredai oleh Allah SWT.

36. Antara rukun waqaf mestilah adanya sighthah. Apakah yang dimaksudkan dengan sighthah waqaf dan hukumnya?

Sighthah ialah lafaz yang menyatakan sesuatu maksud atau apa –apa yang bukan lafaz seperti isyarat orang bisu yang difahami atau tulisannya. Sighthah adalah wajib supaya waqaf itu sah dan wujud .

37. Berapa jenis sighthah dan berikan contohnya?

Sighthah terbahagi kepada dua iaitu sighthah jelas (sarih) dan sighthah kiasan (kinayah).

Sighthah jelas ialah lafaz yang membawa satu maksud iaitu waqaf. Contohnya, aku waqafkan rumahku untuk anak yatim Darus Sa'adah. Pewaqaf tidak perlu kepada niat untuk mengesahkan waqafnya.

Sighthah kiasan ialah lafaz yang boleh diandaikan maksud lain di samping maksud asalnya. Contohnya, Aku sedekahkan hartaku ini untuk mereka. Ia perlu dijelaskan dengan niat supaya waqafnya sah.

38. Jelaskan syarat sigah waqaf?

1. Faham maksud.

Sighthah yang diucapkan oleh orang yang boleh bercakap atau tulisan orang bisu hendaklah jelas maksudnya.

2. Tiada had masa

Mestilah bebas dari had masa. Contohnya, aku waqafkan tanahku untuk pelajar pondok selama setahun sahaja, Maka waqafnya adalah batal kerana

sighahnya tidak sah disebabkan tempoh tertentu kerana had masa menafikannya.

3. Nyata penerimanya

Contohnya, aku waqafkan harta ini. Hukumnya adalah tidak sah kerana pihak yang diwaqafkan tidak diketahui.

4. Tiada Ta'liq

Ia tidak boleh dita'liqkan dengan sebarang syarat. Contohnya, aku waqafkan rumahku ini kepada fakir miskin dengan syarat mendapat persetujuan dari isteriku. Waqaf tersebut adalah batal kerana berlawanan dengan matlamat waqaf.

5. Muktamad

Tidak sah dengan pilihan bersyarat untuk dirinya atau orang lain. Begitu juga pilihan semasa akad. Contohnya, aku waqafkan kereta ini untuk pelajar pondok dan aku membuat keputusan dalam tempoh seminggu atau aku boleh menjualnya jika aku mahu. Waqaf seperti ini adalah tidak sah dari segi syara'.

39. Bolehkah pewaqaf menggunakan harta yang diwaqafkan?

Pewaqaf tidak boleh menggunakan harta yang telah diwaqafkan kecuali pewaqaf mewaqafkan hartanya untuk masjid, kubur atau perigi. Pewaqaf sah solatnya di masjid, minum di perigi dan dikebumikan di tanah perkuburan yang diwaqafkan. Ini berlandaskan hadis yang diriwayatkan dari Saidina Uthman ra katanya. "Nabi SAW ketika sampai di Madinah, mendapati tiada air untuk minuman selain air telaga rumah. Lantas Baginda bersabda, "Sesiapa yang membeli perigi rumah dan menggunakan air dengan timbanya bersama-sama timba muslimin yang lain akan dikurniakan di syurga perigi yang lebih baik daripadanya. Lalu aku membelinya dengan hartaku sendiri."
(Riwayat al-Tarmizi (3704) al Nasa'i (6/235) dan al Bukhari (2626))

40. Bolehkah pewaqaf menguruskan harta waqaf sebagai miliknya?

Pewaqaf tidak berhak bertindak menguruskan harta waqaf sebagai miliknya sama ada menjual, hibah dan sebagainya.

41. Bolehkah mengambil manfaat daripada harta yang diwaqafkan?

Hilang hak manfaat daripada harta yang diwaqafkan. Hak tersebut berpindah kepada pihak yang diwaqafkan sama ada waqaf khas atau waqaf am.

42. Adakah penerima harta waqaf yang khusus dan tidak khusus boleh menggunakan harta waqaf tersebut?

Penerima harta waqaf yang khusus berhak menggunakan semua manfaatnya dan berhak ke atas semua faedah. Manakala penerima harta waqaf yang tidak khusus seperti golongan fakir dan miskin mereka tidak memiliki manfaat harta tersebut tetapi memiliki hak menggunakannya.

43. Bolehkah harta waqaf dijual beli?

Harta waqaf tidak boleh dijual beli

44. Bolehkah harta waqaf diwarisi?

Harta waqaf tidak boleh diwarisi.

45. Bolehkah harta waqaf dihibah?

Harta waqaf tidak boleh dihibah.

46. Bagaimana pula tentang kos selenggara bangunan yang diwaqafkan ? Siapa yang bertanggungjawab di atas perbelanjaan dan kos?

Bergantung kepada sumber yang disyaratkan oleh pewaqaf sama ada dari hartanya sendiri atau harta waqaf. Jika pewaqaf tidak menyatakan sebarang syarat, perbelanjaan diambil dari harta waqaf sekiranya ada. Jika tiada hasil wajib ditanggung oleh Baitumal kerana penubuhannya adalah untuk kepentingan orang Islam.

47. Bagaimana menguruskan harta waqaf seperti binatang yang haram dimakan apabila ia mati?

Apabila binatang itu mati, kulitnya dikhususkan kepada penerima waqaf kerana dia lebih berhak dari orang lain. Setelah disamak, kulit tersebut kembali menjadi harta waqaf yang dimanfaatkan oleh penerima waqaf.

48. Jika harta waqaf tersebut binatang yang halal dimakan ditakuti ia akan mati, bolehkah ia disembelih?

Boleh disembelih dan dagingnya dijual dan dibeli dengan binatang lain yang sama jenisnya sebagai ganti binatang waqaf tersebut.

49. Bagaimana dengan keadaan harta waqaf yang telah dimusnahkan?

Orang yang memusnahkan harta waqaf dikenakan ganti rugi, duit ganti rugi tersebut tidak menjadi milik penerima waqaf. Sebaliknya ia digunakan untuk membeli harta yang setara dengan harta yang musnah sebagai gantinya. Dengan cara ini untuk memelihara harta pewaqaf untuk sentiasa menerima pahala yang sentiasa mengalir.

50. Bagaimana dengan keadaan harta waqaf yang musnah seperti tanah yang dibuat dusun buah –buahan di mana terdapat pokok yang tumbang disebabkan ribut taufan dan banjir ?

Waqaf tersebut tidak terputus, bahkan boleh terus dimanfaatkan seperti biasa dengan menyewakannya bagi mengekalkan waqaf harta berkenaan.

51. Bagaimana dengan keadaan harta pewaqaf yang semakin reput seperti besi besi buruk, tiang –tiang yang hampir reput, khemah –khemah dan tikar tikar masjid?

Harus dijual dan hasilnya boleh digunakan untuk waqaf dan diutamakan membeli barang yang sama bagi menggantikan barang yang rosak.

52. Bagaimana dengan keadaan masjid yang musnah dan tidak dapat dibangunkan semula?

Tidak harus dijual walau apapun keadaannya kerana ia boleh dibangunkan semula suatu hari nanti. Jika ada hasil pendapatan hendaklah disimpan sekiranya masjid itu hendak dibangunkan semula. Sekiranya tidak ada kemungkinan tersebut, maka hasil pendapatannya hendaklah diserahkan kepada masjid yang berhampiran.

53. Bolehkah merobohkan masjid yang telah diwaqafkan?

Jika masjid telah rosak dan tidak dapat digunakan lagi, harus bagi pemerintah meruntuhkannya dan menggunakan batu-batanya untuk membina masjid baru. Ia tidak boleh digunakan untuk membuat binaan lain untuk menjaga hasrat pewaqafnya. Bangunan masjid yang baru lebih baik dibina berhampiran dengan tapak masjid lama yang dirobuhkan.

54. Siapakah orang yang paling layak mengurus harta waqaf?

Orang yang paling layak mengurus harta waqaf ialah sesiapa yang ditetapkan sendiri oleh pewaqaf. Jika pewaqaf mensyaratkan dirinya sendiri sebagai pengurus harta waqaf maka dia adalah layak. Sekiranya dia mensyaratkan orang lain, maka syarat tersebut perlu dipatuhi sama ada dia menyerahkan tugasnya semasa hidupnya atau melalui wasiat

55. Bagaimana pula jika pewaqaf meninggal dunia?

Jika pewaqaf meninggal dunia setelah diberikan kepada pengurusnya, maka pengurus tersebut yang menguruskan. Ini berlandaskan tindakan Umar ra yang bermaksud, "Umar ra pernah mengurus harta waqafnya sendiri. Kemudian beliau menugaskan anaknya Hafsah menguruskannya selama hidup. Selepas itu diurus oleh bijak pandai dari keluarganya.
(Riwayat Abu Daud (2879))

56. Sekiranya pewaqaf tidak mensyaratkan sesiapa untuk menguruskan harta waqaf, siapakah yang layak untuk menguruskannya?

Pemerintah layak untuk menguruskannya kerana pemerintah merupakan pengurus harta am dan layak untuk menguruskannya.

57. Apakah syarat pengurus harta waqaf?

- Adil
Pengurus harta waqaf hendaklah adil dan orang yang kuat berpegang pada agama.
- Berkeupayaan
Hendaklah orang-orang yang mempunyai kekuatan peribadi dan berkeupayaan mengurusnya di samping mempunyai ilmu yang terbaik dalam mengurus.

58. Apakah tugas pengurus harta waqaf?

Pengurus bertanggungjawab terhadap hal ehwal harta waqaf termasuk pembangunan, sewaan, kutipan hasil, pengagihan hasil kepada sesiapa yang berhak, menjaga sumber hasil dengan amanah dan menjaga keperluan yang berkaitan dengan pengurusan harta waqaf.

59. Bolehkah pengurus harta waqaf mengambil upah dalam menguruskan harta waqaf?

Pengurus harus mengambil upah jika disyaratkan oleh pewaqaf. Jika tidak ada dalam syarat tidak boleh berbuat demikian. Jika pengurus membangkitkan kepada pemerintah menetapkan upahnya, maka pemerintah boleh menetapkan upah yang berpatutan sekiranya tidak ada orang yang lain yang sanggup bekerja tanpa upah.

60. Adakah dalil yang menunjukkan tentang kelebihan sedekah?

Daripada Abu Hurairah ra, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda “Setiap sendi tubuh manusia padanya terdapat sedekah, setiap hari apabila matahari terbit lalu engkau berlaku adil terhadap dua orang (yang berbalah) adalah sedekah, engkau menolong seseorang yang berkenderaan lalu engkau bantu dia naik ke atas kenderaannya atau mengangkat barangnya adalah sedekah, ucapan yang baik adalah sedekah, setiap langkah ketika engkau berjalan menuju ke masjid untuk solat adalah sedekah dan menghilangkan gangguan di jalan adalah sedekah.” (Riwayat al- Bukhari (2827) dan Muslim (1007).



BAB 2
ILMU YANG
BERMANFAAT

61. Apakah fungsi akal menurut pandangan Islam?

Menurut pandangan Islam akal boleh menimbang perkara yang baik dan buruk, membezakan yang benar dan palsu dan tujuan yang sebenarnya adalah untuk tunduk kepada perintah Allah SWT.

62. Berikan dalil yang menunjukkan fungsi akal?

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “ Berfikir sesaat itu lebih baik daripada beribadah sepanjang malam.” (Riwayat Abu Daud :298)

63. Apakah kesan daripada tidak menggunakan akal ke jalan yang diredai oleh Allah SWT?

Manusia akan jauh tersesat dan menyimpang dari kebenaran malah lebih hina dari haiwan. Ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud’ Dan sesungguhnya kami (Allah) akan isikan dalam neraka Jahannam itu sebahagian daripada golongan jin dan manusia, mereka itu mempunyai hati, tetapi tidak mahu memahami akan ayat –ayat Allah s.w.t, mereka mempunyai mata, tetapi tidak mahu melihat kekuasaan Allah, mereka mempunyai telinga, tetapi tidak mahu mendengar (ayat-ayat dan nasihat Allah). Mereka itu tidak ubah seperti binatang ternakan, bahkan lebih sesat lagi. Mereka itulah orang yang lalai.”

(Surah al-A’raf :179)

64. Apakah perbezaan roh dan nyawa?

Roh telah diciptakan sejak azali lagi sebelum manusia dilahirkan. Allah menempatkannya di loh mahfuz sebelum ditiup ke dalam jasad ketika bayi berusia empat bulan di dalam Rahim ibu. Manakala nyawa menghidupkan manusia. Ia berkait rapat dengan pengaliran darah yang dipam oleh jantung. Apabila jantung berhenti daripada pengepam darah, seseorang itu akan mati.

65. Apakah kaitan hati dan akal menurut Islam?

Hubungan akal dan hati amatlah rapat.

Ini berlandaskan firman Allah SWT yang bermaksud “Maka apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, lalu mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat memahami atau mempunyai telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar ? Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati yang di dalam dada.”

(Surah al -Haj : 46)

66. Apakah peranan cahaya terhadap hati?

Cahaya berperanan terhadap hati untuk menerangi kehidupan manusia untuk mendapat petunjuk dari Allah SWT sama ada dengan pandangan zahir mahupun batin.

67. Berapa kategori nur (cahaya)

Terbahagi kepada dua bahagian

- Lahir (Hissi) - Cahaya lahir yang membolehkan kita melihat dengan mata kasar seperti sinaran matahari di siang hari dan cahaya bulan di malam hari.
- Batin (maknawi) – Cahaya untuk melihat dengan mata hati terhadap sesuatu yang ghaib atau memahami sesuatu hakikat atau pengertian.

68. Berikan dalil nur (cahaya) di dalam al –Quran

Firman Allah SWT yang bermaksud “ Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu bukti kebenaran daripada Tuhanmu (Nabi Muhammad SAW dan mukjizatnya) dan kami telah menurunkan kepadamu satu cahaya (al-Quran) yang terang benderang

(Surah al Nisa’: 174)

69. Apakah yang menyebabkan akal fikiran akan menjadi rosak?

- Bergaul bebas dengan orang yang bukan mahram. Keadaan ini menyebabkan percampuran yang boleh mendatangkan hubungan yang melampau sehingga berlakunya maksiat yang tidak boleh dibendung lagi.
- Tidak reda dengan qada’ dan qadar daripada Allah SWT sehingga akal digunakan untuk meyalahkan takdir yang berlaku.

- Suka melihat maksiat seperti melihat aurat orang lain, melihat video dan gambar lucu dan suka melihat benda yang menjijikkan.
- Suka pada hiburan yang melalaikan.
- Suka kepada kaum sejenis yang berlawanan dengan fitrah manusia.
- Tidak suka dengan majlis ilmu yang banyak mengingatkan manusia kepada Allah.

70. Apakah perkara yang melemahkan akal fikiran ?

- Tidak taat kepada perintah Allah.
- Meninggalkan solat.
- Tidak berpuasa.
- Tidak mengeluarkan zakat.
- Derhaka kepada ibu bapa.
- Mengumpat.
- Suka menabur fitnah.
- Tidak terbuka dalam berbincang.
- Suka membuat persepsi dan bersangka buruk.

71. Bagaimanakah caranya untuk meningkatkan kecerdasan akal fikiran?

Bergaul dengan orang alim dan sentiasa duduk dalam majlis ilmu. Ini berlandaskan hadis daripada Abi Umamah menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda” Lukman pernah berpesan pada anaknya, hendaklah kamu selalu bergaul dengan para ulamak dan mendengar perkataan **hukamak** (bijak pandai) kerana sesungguhnya Allah SWT menghidupkan hati yang mati itu dengan cahaya ilmu dan kecemerlangan hikmah sebagaimana dia menghidupkan bumi dengan air hujan.”
(Riwayat al-Bukhari:3098 dan Muslim :3606)

72. Bagaimanakah cara untuk memperbaiki hati supaya berada dalam keadaan tenang dan mendapat keredaan Allah SWT?

- Bersifat rendah diri dalam pergaulan seharian.
- Tidak mengaibkan orang lain.
- Sentiasa tingkatkan diri supaya hadir dalam majlis ilmu.
- Memakan makanan yang halal dan berkhasiat.
- Menjaga diri dari terlibat kepada perkara yang haram dan maksiat.

73. Apakah perkara –perkara yang menggelapkan hati?

- Perut sentiasa berada dalam keadaan kekenyangan.
- Berkawan dengan orang yang suka buat maksiat.
- Terlalu panjang angan angan.
- Tidak insaf terhadap dosa yang telah dilakukan.
- Mencintai dunia dan tidak suka mengingati kematian.
- Suka mengumpat dan membuat fitnah.

74. Kenapa ilmu pengetahuan susah meresap ke dalam hati?

- Mengambil makanan dan minuman dari sumber yang haram.
- Dosa dan maksiat telah bersarang di dalam hati.
- Tidak mendapat restu dari guru.
- Tidak menghormati ibu bapa.
- Hati tertutup untuk mendengar majlis ilmu.
- Tidak beramal dengan ilmu yang sudah dipelajari.

75. Adakah kaedah atau pendekatan yang sesuai supaya hati sentiasa terbuka kepada majlis ilmu?

- Mengamalkan sifat sifat yang mahmudah seperti sabar, sangka baik, reda dan sebagainya.
- Menjauhkan sifat sifat mazmumah seperti suka mengumpat, dengki, sangka buruk dan sebagainya.
- Meninggalkan perkara yang melalaikan seperti bermain game.
- Sentiasa berusaha , berdoa dan bertawakal kepada Allah S.W.T.
- Zuhud dengan erti kata meninggalkan kecintaan dunia yang melampau.
- Ikhlas dalam membuat sesuatu dengan tujuan semata-mata kerana Allah S.W.T.

76. Adakah petua untuk meningkatkan daya ingatan?

- Fokus dalam mencari ilmu.
- Niat yang ikhlas kerana Allah S.W.T.
- Banyakkan membaca al-Quran.
- Minat yang mendalam dalam mencari ilmu.
- Membuat nota yang sesuai untuk diri sendiri.
- Ikut gaya dan cara tersendiri tanpa mengikut gaya orang lain.

- Ulang bacaan atau hafazan.
- Memakan makanan Sunnah seperti madu, kismis, buah tin, buah zaitun dan sebagainya.

77. Adakah dalil yang menunjukkan supaya akal fikiran cerdas dan mudah menghafaz al-Quran?

Allah SWT berfirman “ Dan sesungguhnya telah kami mudahkan al-Quran untuk pelajaran, adakah orang yang mengambil pelajaran?
(Surah al- Qamar : 17)

78. Terangkan langkah-langkah untuk menghafaz al-Quran?

- Betulkan niat ..Apa yang dilakukan semata-mata untuk mencari redha Allah S.W.T.
- Memilih waktu yang sesuai seperti waktu malam dan pagi.
- Tempat dan suasana yang baik.
- Mendahulukan bacaan yang bertajwid atas hafalan.
- Menggunakan satu jenis mashaf yang biasa digunakan.
- Istiqamah dalam menghafal dan mengulang.
- Yakin dengan kebolehan diri sendiri.
- Selalu berdoa kepada Allah S.W.T.
- Tawakal kepada Allah S.W.T.

79. Bagaimanakah teknik dan kaedah menghafaz al-Quran dengan lebih berkesan?

- Teknik tajwid - Memperbaiki bacaan, makhraj huruf dan hukum tajwid.
- Teknik tafsir – Kaedah ini dengan mentadabbur ayat al-Quran dengan guru serta maksudnya sekali.
- Teknik murajaah – Dengan keadaan seorang membaca dan seorang menyemak.
- Teknik tasmik – Pelajar memperdengarkan bacaannya dengan guru.
- Teknik talqin – Guru membaca dan pelajar meniru dan mengikut bacaan guru.

80. Bilakah waktu yang paling sesuai untuk menghafaz al-Quran?

- Sebelum masuknya waktu Suboh.
- Selepas solat Suboh.

- Sebelum tidur malam.
- Tengah malam yang sunyi.
- Dalam keadaan masa yang lapang.
- Antara maghrib dan isyak.
- Setiap kali lepas solat.

81. Apakah kelebihan Penghafaz al-Quran?

- Mereka menjadi penghuni syurga

Berlandaskan hadis daripada Ali bin Abi Talib ra, katanya Rasulullah SAW bersabda “ Sesiapa yang membaca al-Quran dan menghafaznya dan melaksanakan isinya dan menghalalkan apa yang diharamkan, dan mengharamkan apa yang diharamkan, nescaya Allah S.W.T akan memasukkannya ke dalam syurga dan memberi hak syafaat kepadanya untuk sepuluh anggota keluarganya yang semuanya telah ditetapkan masuk syurga.”

(Riwayat al –Tarmizi :2905)

- Mereka berada dalam rahmat Allah S.W.T

Daripada Abu Hurairah ra katanya Rasulullah SAW bersabda “ Tidak ada orang yang berkumpul di salah satu rumah Allah S.W.T untuk membaca dan mempelajari al-Quran, kecuali mereka akan memperoleh ketenteraman, diliputi rahmat, dikelilingi para malaikat dan nama mereka sentiasa disebut-sebut oleh Allah S.W.T di kalangan para malaikat (yang di langit).”

(Riwayat Muslim : 2699)

- Ganjaran pahala

Daripada Abdullah bin Mas’ud ra katanya, Rasulullah SAW bersabda “Sesiapa yang membaca satu huruf daripada al-Quran, maka dia akan memperoleh pahala satu kebajikan dan setiap satu pahala itu digandakan sepuluh kali. Aku tidak mengatakan bahawa alif, lam, mim itu satu huruf, tetapi alif itu ialah satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf.”

(Riwayat al -Tarmizi dan al- Darimi)

82. Apakah yang dimaksudkan dengan iman?

Iman dari segi Bahasa percaya, yakin dan membenarkan.

Iman dari segi syarak ialah percaya dengan hati, mengaku dengan lidah dan beramal dengan anggota.

83. Berapakah rukun iman?

Rukun iman ada enam perkara

- Percaya kepada Allah SWT
- Percaya kepada malaikat
- Percaya kepada kitab
- Percaya kepada rasul- rasul
- Percaya kepada hari kiamat
- Percaya kepada qada' dan qadar

84. Apakah yang dimaksudkan percaya kepada Allah S.W.T?

Mempercayai dengan penuh keyakinan bahawa Allah SWT yang mencipta alam ini dan dialah Tuhan yang layak disembah dan ditujukan segala pergantungan hidup.

85. Berapakah bilangan malaikat yang wajib diketahui dan tugas-tugasnya?

Bilangan malaikat yang wajib diketahui ada sepuluh dan tugasnya adalah seperti berikut :-

Malaikat	Tugas
• Jibril as	Menyampaikan wahyu
• Izrail as	Mencabut nyawa
• Mikail as	Menurunkan rezeki
• Israfil as	Meniup sangkakala
• Munkar	Menyoal dalam kubur
• Nakir as	Menyoal dalam kubur
• Raqib as	Menulis kebajikan
• 'Atid as	Menulis kejahatan
• Ridhwan as	Menjaga pintu syurga
• Malik as	Menjaga pintu neraka

86. Apakah yang dimaksudkan dengan suhuf dan pembahagiannya?

Suhuf merupakan pedoman yang mengandung penjelasan hukum hakam dasar yang perlu diterangkan kepada manusia umumnya. Jumlahnya sebanyak 100 buah.

Bahagiannya adalah

- Nabi Allah Shith as 50 suhuf
- Nabi Allah Idris as 30 suhuf
- Nabi Allah Ibrahim as 10 suhuf
- Nabi Allah Musa as 10 suhuf

87. Apakah yang dimaksudkan dengan kitab? Berapakah jumlahnya?

Kitab ialah satu himpunan dasar lengkap untuk segala peraturan dan dasar ketuhanan yang berhubung dengan dunia dan akhirat, zahir dan batin. Setelah turunnya al Quran kitab- kitab yang terdahulu terbatal dengan sendirinya.

Kitab ada empat buah

- Taurat diturunkan kepada Nabi Musa as
- Zabur diturunkan kepada Nabi Daud as
- Injil diturunkan kepada Nabi Isa as
- Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW

88. Apakah perbezaan nabi dan rasul?

Nabi ialah seorang lelaki yang merdeka dan mendapat wahyu daripada Allah S.W.T tetapi tidak ditugaskan menyampaikannya kepada orang lain. Manakala rasul ialah seorang lelaki yang merdeka dan mendapat wahyu daripada Allah S.W.T dan ditugaskan untuk menyampaikannya kepada orang lain.

89. Berapakah jumlah nabi dan rasul?

Sebagaimana yang diterangkan dalam riwayat Abu Zarr Al-Ghifari jumlah para nabi sebanyak 124,000 orang. Rasul sebanyak 313 orang. 25 orang rasul yang namanya disebut dalam al-Quran. Jumlah sebenarnya hanya Allah SWT yang maha mengetahui.

90. Berapakah jumlah nabi dan rasul yang wajib diketahui?

Ada 25 orang

- Adam as.
- Idris as
- Nuh as
- Hud as
- Solih as
- Ibrahim as
- Lut as
- Ismail as
- Ishak as
- Yaakub as
- Yusuf as
- Ayub as
- Syu'aib as
- Musa as
- Harun as
- Zulkifli as
- Daud as
- Sulaiman as
- Ilyas as
- Ilyasa' as
- Yunus as
- Zakaria as
- Yahya as
- Isa as
- Muhammad SAW

91. Percaya kepada hari kiamat merupakan salah satu daripada rukun iman. Apakah kepercayaan yang wajib kita yakin pasti akan berlaku?

Antara yang akan berlaku ialah :

- Adanya mati dan pasti akan berlaku.
- Adanya azab kubur bagi mereka yang derhaka kepada Allah S.W.T
- Adanya nikmat kubur bagi mereka patuh kepada perintah Allah S.W.T
- Adanya hari kebangkitan.
- Padang masyar tempat dikumpulkan.
- Adanya mizan (neraca timbangan).
- Meniti titian (sirat).
- Syurga dan neraka.

92. Apakah pengertian qada' dan qadar Allah SWT?

Qada' ialah kejadian, hukum yang terjadi dan yang berlaku pada diri seseorang seperti kaya, miskin, baik, buruk, untung, rugi, hidup, mati dan sebagainya.

Qadar ialah ukuran dan sukatan yang ditentukan atas tiap-tiap makhluk seperti Abu telah ditentukan pada satu Ramadhan akan berlaku kemalangan. Maka apabila sampai pada tarikh tersebut Abu pun ditimpa kemalangan. Ketentuan pada satu Ramadhan itulah yang dinamakan qadar atau takdir. Kemalangan yang menimpa Abu pada satu Ramadhan itu dinamakan qada'.

93. Apakah pengertian Islam?

Islam bererti tunduk dan patuh menurut segala peraturan dan panduan zahir serta batin yang dibawa oleh baginda Rasulullah SAW.

94. Apakah kelebihan dan keistimewaan agama Islam?

- Menguatkan keimanan kepada Allah SWT.
- Menghapuskan amalan syirik.
- Ada peraturan beribadah kepada Allah SWT.
- Mengaturkan hubungan sesama insan.
- Adanya hukum hakam jenayah.
- Adil kepada seluruh umat manusia.
- Lengkap dengan segala peraturan hidup.
- Mendapat keredaan Allah SWT.

95. Berapakah rukun Islam?

Rukun Islam ada 5 perkara :

- Mengucap dua kalimah syahadah.
- Mendirikan solat 5 waktu sehari semalam.
- Menunaikan zakat.
- Puasa di bulan Ramadhan.
- Menunaikan haji bagi mereka yang berkemampuan.

96. Apakah perbezaan zakat harta dan zakat fitrah?

Zakat harta digunakan untuk menyucikan harta, manakala zakat fitrah digunakan untuk menyucikan hati dan jiwa.

Zakat harta termasuk binatang ternakan, emas dan perak, tanaman seperti padi, gandum, tamar, jagung dan sebagainya serta buah –buahan seperti anggur dan sebagainya.

Zakat fitrah ialah zakat untuk menyucikan jiwa dengan mengeluarkan sebahagian bahan makanan yang mengenyangkan menurut ukuran yang ditentukan oleh syara' dalam bulan Ramadhan setiap tahun.

97. Siapakah golongan yang dikecualikan untuk berpuasa?

- Orang sakit sekiranya dia berpuasa akan menyebabkan bertambah mudarat kesihatannya.
- Orang musafir yang dalam perjalanan melebihi dua marhalah / 90 km.
- Wanita hamil / wanita yang menyusukan anak dan bimbang kesihatan dirinya atau anak atau kedua –dua sekali.
- Orang tua yang terlalu uzur yang tidak mampu berpuasa.

98. Apakah syarat berkemampuan untuk mengerjakan haji?

- Perbelanjaan yang mencukupi untuk mengerjakan haji.
- Perbelanjaan untuk tanggungan yang ditinggalkan.
- Kesihatan yang baik.
- Keselamatan perjalanan pergi dan balik.
- Sempat masa perjalanan mengikut kadar perjalanan biasa.

99. Apakah yang dimaksudkan dengan ihsan?

Dari segi Bahasa membuat sesuatu yang baik.

Dari segi syara' peribadatan insan terhadap Allah S.W.T seolah olah dia melihat Allah S.W.T, seandainya dia tidak dapat melihat Allah S.W.T, maka yakinlah bahawa Allah S.W.T melihat dirinya, peribadatnya dan mengetahui isi hatinya.

100. Apakah yang dimaksudkan dengan sifat mahmudah dan berikan contohnya

Sifat mahmudah adalah sifat yang terpuji seperti :

- Taubat
- Sabar
- Tekun
- Rajin
- Tidak berputus asa
- Takut dan gerun dengan kekuasaan Allah S.W.T.
- Zuhud
- Syukur
- Ikhlas
- Tawakal
- Reda
- Tenang

101. Apakah yang dimaksudkan dengan sifat mazmumah?

Sifat yang terkeji dan tercela seperti :

- Hasad
- Bakhil
- Sangka buruk
- Suka mengumpat
- Suka buat fitnah
- Takbur
- Ujub
- Riak
- Malas
- Mementingkan diri sendiri

102. Apakah perbezaan di antara takbur, riak, ujub dan sum'ah?

- Takbur ialah sombong dan bangga diri seperti berbangga dengan nasab keturunan, kuasa pemerintahan, kecantikan, kekayaan, kelebihan ilmu, banyak pengikut dan sebagainya.
- Riak ialah sifat untuk menarik perhatian orang dengan menampakkan pelbagai amalan baik semata –mata ingin mendapat pujian, pangkat atau kedudukan.

- Ujub ialah berasa kagum dengan keistimewaan dan kelebihan diri sendiri dengan mempunyai kelebihan seperti kekayaan, kecantikan dan sebagainya.
- Sum'ah ialah sikap seseorang muslim menceritakan amal solehnya yang sebelumnya tidak diketahui oleh orang dengan niat untuk mendapat pujian dan penghargaan.

103. Apakah yang dimaksudkan dengan halal ?

Halal ialah sesuatu yang dibolehkan memakai , memakan atau mengerjakannya setelah ada pengesahan sah menurut syara'.

Contohnya seperti memakan binatang yang halal dimakan, sesuai dengan kehendak Islam.

104. Apakah definisi haram?

Sesuatu yang diberi pahala apabila meninggalkannya dan berdosa apabila mengerjakannya di sisi syara'.

Contohnya makan daging babi dan minum arak.

105. Apakah definisi wajib?

Sesuatu yang diberi pahala apabila mengerjakannya dan berdosa apabila meninggalkannya.

Contohnya solat lima waktu dan puasa di bulan ramadhan.

106. Apakah definisi sunat?

Sesuatu yang diberi pahala apabila dikerjakan dan tidak berdosa apabila meninggalkannya.

Contohnya puasa sunat hari isnin dan khamis.

107. Apakah definisi makruh?

Sesuatu amalan yang diberi pahala jika ditinggalkan dan tidak berdosa apabila mengerjakannya.

108. Apakah definisi harus?

Sesuatu amalan yang tidak ada pahala jika dikerjakan dan tidak berdosa apabila ditinggalkan.

Contohnya makan dan minum.

109. Apakah definisi sah?

Sesuatu amalan yang cukup rukun dan sempurna syaratnya menurut syara'.

Contohnya antara syarat sah solat suci daripada hadas kecil dan besar.

110. Apakah definisi batal?

Sesuatu amalan yang tidak cukup rukun dan syaratnya menurut syara'.

Contohnya solat akan batal sekiranya keluar sesuatu daripada qubul dan dubur.

111. Taharah atau bersuci merupakan tugas yang penting dalam kehidupan muslim. Apakah jenis air yang boleh digunakan untuk bersuci?

- Air sungai
- Air laut
- Air perigi
- Air hujan
- Air embun
- Air mata air
- Air salji

112. Berapakah jenis –jenis air?

Air terbahagi kepada empat jenis :

- Air mutlak
- Air mustakmal
- Air musyammas
- Air mutanajis

113. Apakah yang dimaksudkan dengan air mutlak?

Air yang boleh diminum dan boleh digunakan untuk bersuci seperti untuk beristinjak, berwuduk, mandi hadas, membasuh najis dan sebagainya. Air mutlak merupakan air yang benar benar tulen yang tidak bercampur dengan benda- benda lain sama ada yang bersih seperti air kopi, minyak wangi dan sebagainya.

114. Apakah yang dimaksudkan dengan air mustakmal?

Air yang telah digunakan untuk mengangkat hadas sama ada hadas kecil atau hadas besar. Air yang telah digunakan untuk membasuh anggota wajib, sekiranya ditadah semula dan air tersebut tidak sampai dua qullah , maka dikira air mustakmal iaitu tidak boleh digunakan untuk bersuci. Dua qullah bersamaan dengan (216 liter).

115. Apakah pengertian air musyammas?

Air mutlak tetapi terjemur di tengah panas matahari di dalam bekas yang berkarat dan digunakan ketika air masih panas. Biasanya air ini dijumpai di negara-negara yang suhunya tinggi seperti di negara Arab, India dan Pakistan. Air ini makruh digunakan pada badan dan dibuat bersuci kerana boleh mendatangkan penyakit sopak.

116. Apakah pengertian air mutanajis?

Air yang kurang dari dua qullah dimasuki oleh najis sama ada air itu berubah atau tidak . Begitu juga sekiranya air itu melebihi dua qullah dimasuki najis lalu berubah rasa, bau atau warna. Maka air itu tidak boleh dibuat bersuci atau diminum.

117. Bolehkah mencelupkan tangan ke dalam kolam masjid yang melebihi dua qullah ketika mengambil wuduk?

Boleh mencelupkan tangan ke dalam kolam masjid ketika mengambil wuduk di mana airnya melebihi dua qullah selagi air tersebut tidak berubah bau, rasa dan warna.

118. Berapakah bahagian najis?

Najis terbahagi kepada tiga bahagian

- Najis Mukhaffafah (ringan)
- Najis Mutawassitah (pertengahan)
- Najis Mughallazah (berat)

119. Apakah definisi najis Mukhaffafah dan cara menyucikannya?

Kencing kanak-kanak lelaki yang masih berumur dua tahun yang tidak makan apa-apa kecuali minum susu ibu sahaja.

Cara menyucikannya memadai dengan hanya merenjisakan sahaja air ke atas najis tersebut sehingga rata.

120. Apakah definisi najis Mutawassitah dan cara menyucikannya?

Najis Mutawassitah ialah najis pertengahan selain daripada najis Mukhaffafah dan najis Mughallazah.

Contoh najis Mutawassitah ialah :

- Muntah
- Darah
- Nanah
- Air kencing
- Tahi
- Air wadi (air yang keluar daripada kemaluan orang yang bekerja berat)
- Bangkai
- Air mazi (air yang keluar daripada kemaluan lelaki mahupun wanita semasa naik syahwat)
- Cecair yang memabukkan
- Susu binatang yang tidak halal dimakan

Cara menyucikannya ialah dengan membersihkan dengan air mutlak dengan menghilangkan bau, rasa dan 'ainnya/ zatnya/warnanya.

121. Apakah definisi najis Mughallazah dan cara menyucikannya?

Najis yang berat iatu najis anjing dan babi. Segala yang ada hubungan dengan kedua-duanya seperti tahi, air liur, air kencing, daging, kulit dan sebagainya dikira najis mughallazah. Termasuk juga anak anjing dan babi serta keturunannya.

Cara menyucikannya ialah dengan membasuh tujuh kali. Salah satu daripada tujuh basuhan tersebut hendaklah air yang dicampurkan dengan tanah. Sebelum itu hendaklah membuang tiga perkara iaitu hilangkan bau, rasa dan warna.

122. Apakah hukum menyentuh kulit anjing dan babi yang kering dengan tangan yang kering?

Menyentuh kulit anjing dan babi yang kering dengan tangan yang kering tidak dikira najis. Apabila salah satunya basah, maka dikira najis.

123. Apakah yang dimaksudkan dengan istinjak dan hukumnya?

Menghilangkan najis yang terdapat pada kemaluan selepas membuang air kecil atau besar. Hukumnya adalah wajib sama ada dengan air atau batu.

124. Jelaskan syarat-syarat istinjak?

- Najis itu tidak beralih dari tempat asal
- Najis masih belum kering
- Tidak ada benda-benda asing yang melekat pada kemaluan
- Batu hendaklah kering
- Tiga biji batu atau satu batu yang mempunyai tiga penjuru

125. Apakah perkara sunat yang dilakukan ketika beristinjak?
- Dengan bilangan yang ganjil sama ada tiga, lima, tujuh kali dan seterusnya.
 - Menggunakan tangan kiri.
126. Apakah yang dimaksudkan dengan darah haid?
- Haid ialah darah kotor yang keluar dari rahim perempuan yang bukan dari penyakit.
127. Berapakah tempoh darah haid?
- Sekurang – kurangnya haid sehari semalam iaitu 24 jam. Selama-lamanya 15 hari 15 malam. Kebiasaannya 6 atau 7 hari 7 malam.
128. Apakah warna darah haid?
- Warna merah kehitaman, kuning tua atau berwarna coklat.
129. Apakah pengertian nifas?
- Nifas ialah darah yang keluar dari rahim perempuan selepas melahirkan anak.
130. Darah yang keluar dari rahim perempuan selepas keguguran anak dikira darah apa?
- Darah nifas.
131. Darah yang keluar sebelum bayi dilahirkan dikira darah apa?
- Darah penyakit.

132. Apakah perkara perkara yang diharamkan ketika haid dan nifas?

- Solat
- Membaca, menyentuh dan membawa Al –Quran
- Tawaf
- Puasa
- Bersetubuh
- Bercerai tetapi talaknya jatuh
- Iktikaf di dalam masjid

133. Apakah pengertian darah istihadah?

Darah yang keluar dari faraj perempuan bukan semasa haid dan nifas, ia disebabkan darah penyakit. Tiap –tiap darah yang keluar dari rahim yang melebihi atau kurang daripada haid atau nifas maka darah itu dikira sebagai istihadah. Sesiapa yang terkena darah istihadah tidak dikenakan sebarang larangan seperti ke atas orang haid dan nifas.

134. Bagaimana keadaan orang kena darah istihadah? Adakah wajib baginya menunaikan solat?

Ya , wajib baginya menunaikan solat.

135. Bagaimanakah caranya orang yang istihadah menunaikan solat?

- Membersihkan darah berkenaan serta meletakkan sesuatu balutan terlebih dahulu
- Berwuduk hanya apabila telah masuk waktu solat
- Mereka hanya boleh solat satu solat fardu dan beberapa solat sunat sahaja.

136. Berapakah rukun mandi wajib?

Rukun mandi wajib ada dua iaitu :

- Niat untuk mengangkat hadas besar
“Sahaja aku berniat mengangkat hadas besar kerana Allah SWT “.
- Wajib meratakan air ke seluruh badan. Termasuklah rambut, rambut yang terikat hendaklah diuraikan, bulu bulu yang melekat pada anggota, kulit telinga, kemaluan lelaki dan perempuan yang zahir semasa membuang air besar, kemaluan perempuan yang

zahir semasa ia duduk membuang air kecil. Apabila air tidak sampai pada salah satu daripada anggota badan, maka mandi belum dikira sempurna sahny.

137. Apakah perkara – perkara yang menyebabkan mandi wajib?

- Bersetubuh sama ada keluar air mani ataupun tidak (pertemuan dua khitan iaitu kemaluan lelaki dan perempuan iaitu dengan memasukkan hasyafah ke dalam faraj).
- Keluar air mani sama ada sengaja ataupun tidak.
- Mati selain mati syahid.
- Keluar darah haid.
- Nifas (darah yang mengiringi selepas bersalin).
- Wiladah (bersalin).

138. Apakah perkara-perkara sunat ketika mandi wajib?

- Membasuh kedua-dua tangan di luar bekas air.
- Membasuh kemaluan dengan tangan kiri.
- Membuang kekotoran yang ada pada badan.
- Berwuduk
- Menyelati rambut kepala dengan air.
- Membasuh tiga kali.
- Membasuh bahagian kanan dahulu.
- Menggosok tubuh dan berturut-turut dalam membasuh anggota.
- Membasuh ke anggota yang berlipat seperti lipatan perut, telinga, pusat dan ketiak.

139. Senaraikan jenis –jenis mandi sunat?

- Mandi kerana hendak pergi solat jumaat.
- Mandi dua hari raya iaitu aidil fitri dan aidil adha.
- Mandi selepas mandi mayat.
- Mandi selepas sembuh daripada penyakit gila.
- Mandi selepas berbekam.
- Mandi kerana hendak ihram.
- Mandi kerana hendak masuk kota Mekah.
- Mandi kerana hendak wukuf di Arafah.

140. Setelah mandi hadas besar, perlukah mengambil wuduk untuk mengerjakan solat?

Setelah mandi hadas besar, maka tidaklah diwajibkan mengambil wuduk apabila hendak mengerjakan solat dengan syarat tidak melakukan perkara –perkara yang membatalkan wuduk semasa mandi.

141. Adakah haid berlaku kepada haiwan?

Ya, ada haiwan yang mempunyai haid seperti arnab, unta, kuda, kelawar dan sebagainya.

142. Adakah wanita berasa sakit ketika haid?

Ya, ada segelintir wanita berasa sakit apabila datang haid. Biasanya berlaku kepada wanita yang belum berkahwin. Ia akan hilang ketika berumur sekitar 25 tahun. Jika selepas berkahwin masih berterusan, maka rujuklah kepada doktor pakar untuk pemeriksaan seterusnya dikhuatiri ada penyakit atau ketumbuhan dalam rahim.

143. Siapakah wanita pertama berhaid?

Sebahagian ulamak mengatakan wanita pertama yang berhaid adalah Hawa iaitu isteri Nabi Adam as setelah turun dari syurga.

144. Apakah jenis darah yang keluar ketika umur seseorang wanita belum mencapai usia sembilan tahun?

Jika seseorang wanita keluar darah sebelum genap usia sembilan tahun ia adalah darah fasid (rosak) dan tidak dikatakan darah istihadah kerana darah istihadah hanya berlaku selepas berlakunya haid.

145. Adakah haid tanda baligh bagi seseorang perempuan?

Ya, haid merupakan tanda baligh bagi seseorang perempuan. Menurut Ibn al Jauzi tanda baligh bagi seseorang perempuan ialah

- Mimpi
- Genap usia lima belas tahun
- Tumbuh bulu kemaluan
- Kedatangan haid
- Mengandung

146. Bilakah seseorang perempuan akan menopause?

Menurut ulamak mazhab Syafie seseorang perempuan akan menopause ketika berumur 62 tahun. Sebahagian mereka mengatakan tidak ada had yang tertentu mengikut umur yang ditetapkan mengikut kesuburan masing – masing.

147. Berapakah tempoh maksimum keluarnya darah haid?

15 hari 15 malam.

148. Berapakah tempoh minimum keluarnya darah haid?

1 hari 1 malam.

149. Bagaimana sekiranya darah yang keluar tidak mencukupi sehari semalam?

Darah tersebut merupakan darah istihadah.

150. Bagaimana sekiranya darah keluar melebihi 15 hari 15 malam?

Darah tersebut merupakan darah istihadah. Selepas hari yang ke 15, perempuan tersebut wajib mandi dan melaksanakan ibadah.

151. Adakah perempuan yang keluar darahnya sebelum sehari semalam diwajibkan mandi?

Darah yang keluar sebelum tempoh sehari semalam tidak diwajibkan mandi dan tidak dikira darah haid.

152. Adakah dikira darah haid apabila darah keluar berterusan sepanjang tempoh haid?

Ya, dikira darah haid.

153. Adakah dikira darah haid apabila darah keluar terputus-putus sepanjang haid?

Ya, dikira darah haid kerana darah haid tidak disyaratkan keluar secara terus menerus.

154. Bagaimana jika darah haid keluar berselang –seli hari dalam tempoh haid?

Dikira darah haid dengan syarat

- Hendaklah hari itu berada dalam hari-hari darah haid.
- Hendaklah hari itu tidak lebih dari 15 hari.
- Darah yang keluar tidak kurang dari tempoh minimum haid iaitu 24 jam.

155. Bagaimana jika sekiranya darah keluar sebelum bersalin?

Sekiranya darah yang keluar dalam jarak waktu yang lama dan dekat tetapi tidak dirasakan sakit untuk bersalin ia bukan darah nifas.

156. Apakah amalan –amalan yang diharamkan ketika haid?

- Solat
- Sujud tilawah
- Sujud Syukur
- Tawaf
- Puasa
 - Iktikaf
 - Masuk ke masjid dibimbangi mencemarkannya.
 - Membaca Al-Quran, menyentuh dan menulisnya.
 - Bersuci dari hadas.

157. Apakah hukum memotong kuku dan menggunting rambut ketika haid?

Makruh memotong kuku dan dan menggunting rambut ketika haid.

158. Bilakah perempuan haid wajib ke atasnya mandi?

Apabila darahnya berhenti dan hendak menunaikan solat.

159. Adakah rambut yang gugur atau kuku yang dipotong semasa haid wajib dimandikan ketika mandi junub?

Tidak wajib memandi kuku yang dipotong atau rambut yang gugur semasa haid. Walau bagaimanapun hukumnya adalah sunat membasuh rambut dan kuku yang terpisah dari tubuh ketika haid.

160. Bolehkah perempuan yang haid menziarahi jenazah?

Harus bagi perempuan yang haid menziarahi jenazah.

161. Bolehkah perempuan yang haid atau nifas memandikan jenazah?

Harus bagi perempuan yang haid atau nifas memandikan jenazah.

162. Bolehkah perempuan yang haid mengafankan jenazah?

Harus bagi perempuan yang haid mengafankan jenazah.

163. Bolehkah perempuan yang haid untuk solat?

Haram bagi perempuan yang haid untuk solat dan solatnya tidak perlu diqada'kan.

164. Apakah hukumnya jika seseorang perempuan yang haidnya datang pada awal waktu solat dan tidak sempat menunaikan solat?
- Tidak wajib mengqada'kan solat tersebut jika darah haid keluar ketika masuk waktu solat dan tidak sempat menunaikan solat sekadar satu takbiratul ihram.
165. Apakah hukumnya jika seseorang perempuan yang haidnya berakhir pada akhir waktu solat?
- Perempuan yang suci dari haid dan nifas ketika waktu solat masih ada sekadar sempat satu rakaat, maka dia wajib menunaikan solat itu.
166. Bagaimana jika seseorang perempuan yang haidnya berakhir pada akhir waktu solat yang hanya sekadar mencukupi untuk takbiratulihram sahaja?
- Apabila perempuan itu selesai bersuci, maka ia wajib qada' solat tersebut kerana dia telah mendapat satu bahagian dari waktu solat tersebut.
167. Perlukah seseorang perempuan mengqada'kan solat zuhor jika dia suci pada waktu asar?
- Perempuan tersebut wajib menunaikan solat asar dan solat zuhor. Ini kerana waktu yang kedua dikira termasuk pada waktu pertama dari sudut keharusan menjamakkan kedua –dua solat tersebut. Oleh itu waktu yang kedua dikira termasuk pada waktu yang pertama dari sudut kewajipan menunaikan solat. Perempuan yang suci dalam waktu solat yang boleh dijamakkan dengan solat sebelumnya, maka dia wajib mengqada'kan solat yang sebelumnya.
168. Perlukah perempuan haid mengqada'kan solat?
- Tidak perlu perempuan haid mengqada'kan solatnya.
169. Apakah hukum perempuan haid berpuasa?
- Haram hukumnya perempuan haid berpuasa sama ada puasa wajib atau puasa sunat.

170. Adakah perempuan haid wajib mengqada'kan puasanya?
Wajib perempuan haid mengqada'kan puasanya.
171. Bagaimana jika haid datang ketika sedang berpuasa?
Batal puasanya.
172. Bolehkah berpuasa jika haid berhenti selepas terbit fajar?
Tidak sah puasa apabila haidnya berhenti selepas terbit fajar.
173. Bolehkah berpuasa jika haidnya berhenti sebelum terbit fajar?
Apabila darah berhenti sebelum terbit fajar dan dia sempat niat puasa pada malamnya, puasanya itu adalah sah walaupun dia belum mandi hadas. Ia seperti orang yang berjunub berniat puasa sebelum fajar dan mandi setelah terbit fajar, maka puasanya dikira sah.
174. Adakah dikenakan bayaran fidyah perempuan haid yang meninggalkanpuasa?
Tidak dikenakan sebarang fidyah. Dia hanya diwajibkan mengqada'kan puasa yang tertinggal.
175. Siapakah golongan yang dikenakan fidyah?
- Orang tua yang lemah dan terlalu uzur yang tidak mampu mengerjakan puasa.
 - Orang yang sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh.
 - Perempuan yang hamil atau menyusukan anak yang membahayakan keselamatan anaknya.
176. Adakah perempuan yang melewati qada' puasanya sehingga ramadhan berikutnya dikenakan fidyah?
Wajib membayar fidyah perempuan yang melewati qada' puasanya sehingga masuk ramadhan tahun yang berikutnya. Akan tetapi jika dia melewati qada' puasanya disebabkan uzur atau sakit maka tidak diwajibkan membayar fidyah.

177. Apakah hukum perempuan yang berhaid melakukan tawaf?
Haram perempuan yang berhaid melakukan tawaf dan tawafnya adalah tidak sah dan ia hendaklah membayar dam.
178. Bagaimana jika haid datang selepas melakukan tawaf?
Perempuan yang haid dilarang melakukan tawaf dan sembahyang sunat ihram dan dibolehkan melakukan ibadat haji dan umrah. Apabila sudah tawaf dalam keadaan suci dia boleh melakukan sa'ie kerana bersuci tidak disyaratkan ketika sa'ie.
179. Perlukah perempuan berhaid melakukan tawaf ifadhah?
Tawaf ifadhah merupakan tawaf rukun yang perlu ditunaikan. Perempuan yang berhaid hendaklah menunggu melakukan tawaf ifadhah setelah bersuci dan sekiranya dia balik ke negerinya sebelum melakukan tawaf ifadhah maka ia masih kekal dalam keadaan berihram.
180. Bolehkah perempuan yang haid membaca Al-Quran?
Haram perempuan yang haid untuk membaca Al-Quran.
181. Bolehkah perempuan yang haid untuk melihat Al-Quran?
Perempuan yang haid boleh melihat Al-Quran, meneliti dan membacanya di dalam hati dengan tidak menggerakkan lidahnya dan tidak dengari oleh telinganya sendiri dengan niat zikir.
182. Apakah hukumnya perempuan yang berhaid duduk di dalam masjid untuk iktikaf?
Haram perempuan yang berhaid untuk duduk iktikaf di dalam masjid.
183. Apakah hukum orang berhaid lalu atau melintas di dalam masjid?
Perempuan yang haid ditegah daripada lalu di dalam masjid dibimbangi akan mengotorkan masjid. Jika tidak dibimbangi mencemarkan masjid harus dia lalu di dalam masjid apabila ada keperluan.



BAB 3
ANAK YANG
SOLEH

184. Apabila bayi dilahirkan di dunia, apakah perkara penting yang perlu dilakukan oleh seorang bapa atau penjaga?

Melaungkan azan di telinga kanan dan iqamat di telinga kiri seperti hadis Abu Rafi' " Saya melihat Rasulullah SAW mengalungkan azan yang dilaungkan untuk mengerjakan solat pada telinga Hasan bin Ali yang baru dilahirkan oleh Fatimah".

(Hadis riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi, At Tirmizi mengatakan hadis hasan sahih).

185. Apakah hikmah azan dan iqamat?

- Ucapan pertama yang diucapkan oleh penjaga untuk bayi yang baru dilahirkan untuk didengari oleh bayi dengan kalimah–kalimah yang memuji Allah SWT supaya meresap masuk ke dalam sanubari.
- Sebagai menyatakan syariat Islam yang berperanan mendahului ajakan dari bisikan iblis dan syaitan.
- Mudah-mudahan berkat dilaungkan dengan kalimah–kalimah yang mulia, anak yang baru dilahirkan itu bakal menjadi anak yang soleh dan solehah.

186. Apakah yang dimaksudkan dengan tahnik?

Membuka atau memecah mulut bayi yang baru lahir dengan buah tamar yang telah dikunyah oleh orang alim dan bertakwa. Isi buah tamar itu di letakkan di atas jari telunjuk dan dimasukkan ke dalam mulut bayi, ke kiri dan kanan mulutnya sehingga keseluruhan mulut.

187. Apakah hikmah disebalik amalan tahnik?

Menguatkan saraf mulut bayi bagi menghisap susu dengan sempurna. Seandainya tidak ada kurma boleh digantikan dengan madu, gula serta manisan.

188. Kenapa Islam menganjurkan agar memberikan nama anak yang baik?

Nama yang baik akan mempengaruhi peribadi dan akhlak anak . Ia juga merupakan doa. Sebagaimana Abu Daud meriwayatkan daripada Abu Darda ra bahawa Rasulullah SAW bersabda “ Sesungguhnya pada hari kiamat kelak, kamu semua akan dipanggil (mengadap Allah SWT) dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa kamu. Oleh itu, perelokkanlah nama-nama kamu.”

(Riwayat Abu Daud :4948)

189. Apakah nama-nama yang baik di dalam Islam?

- Nama yang diambil daripada Asma ‘ul Husna. Rasulullah SAW bersabda ” Sesungguhnya nama-nama kamu yang paling disukai Allah ialah Abdullah dan Abdul Rahman ”. (Hadis riwayat Muslim:2132).
- Nama –nama Nabi. Rasulullah SAW bersabda “ Sesungguhnya mereka menamakan (anak-anak mereka) dengan nama–nama nabi dan orang soleh yang hidup sebelum mereka”. (Hadis riwayat Muslim : 2135).
- Nama-nama para sahabat. Nama para sahabat Rasulullah SAW seperti Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali dan sebagainya. Mereka ini merupakan para sahabat yang berakhlak mulia, pemimpin yang adil, ahli ibadah, penghafaz Al-Quran dan perawi hadis.

190. Apakah nama yang dilarang dalam Islam?

Nama yang tidak baik dan boleh menjatuhkan maruah seseorang :

- Kilab maksudnya anjing.
- Sariq maksudnya pencuri.
- Jahil maksudnya bodoh.
- Qirdun maksudnya buruk jantan.
- Zani maksudnya pezina lelaki.
- Zaniah maksudnya pezina perempuan.

Nama yang khusus :

- Ahad maksudnya satu.

Nama yang tidak sesuai :

- Malikul Amlak maksudnya raja kepada segala raja.
- Aflah maksudnya dapat kemenangan
- Yasar maksudnya kiri.

Nama –nama dengan sebutan Abdul selain dari nama Allah:

- Abdul Uzza maksudnya hamba berhala.
- Abdul Kaabah maksudnya hamba kaabah.
- Abdul Fulus maksudnya hamba duit.
- Abdul Mal maksudnya hamba harta.
- Abdul Jamal maksudnya hamba kecantikan.

191. Apakah yang dimaksudkan dengan uri?

Uri dalam bahasa Arab ialah al- Mashimah.

Uri adalah satu organ yang bersambung dengan tali pusat yang berfungsi sebagai alat yang membekalkan makanan dan oksigen kepada bayi di dalam kandungan.

192. Bagaimanakah uri menurut pandangan Islam?

Uri adalah suci dan bukannya najis dan tidak boleh dijual beli. Oleh sebab itu uri perlu ditanam dan diuruskan dengan baik.

193. Apakah hukum menanam uri?
Harus atas tujuan menjaga kebersihan dan kesucian uri tersebut.
194. Apakah tujuan menanam uri?
Tujuannya adalah untuk mengelakkan dimakan oleh haiwan dan sebagai satu fitrah dalam menghormati tubuh badan manusia yang merupakan sebahagian dari anggota tubuh badan manusia yang diciptakan oleh Allah SWT.
195. Bagaimanakah cara membersihkan uri?
Uri itu hendaklah dibasuh dan dibersihkan menggunakan air mutlak dan di tanam dengan baik dan lubangnyanya perlulah di gali dengan keadaan yang sesuai kedalamannya bagi mengelakkan daripada digali oleh binatang.
196. Apakah perkara khurafat dan tahyul mengenai uri yang sering diamalkan oleh masyarakat melayu?
- Menanam uri bersama pensel dan buku agar anak tersebut menjadi orang yang intelektual apabila dewasa nanti.
 - Menyalakan unggun api berhampiran tempat uri ditakuti anak tersebut akan sejuk di waktu malam.
 - Menanam uri bersama duit syiling agar anak tersebut akan menjadi jutawan apabila dewasa kelak.
 - Meletakkan lilin atau pelita minyak tanah di kawasan uri ditanam agar anak tersebut tidak sakit atau kembung perut.
 - Meletakkan paku dan benda –benda tajam bersama uri yang ditanam bagi mengelakkan uri tersebut didampingi oleh makhluk halus.
197. Apakah maksud akikah?
Dari segi bahasa rambut yang terdapat pada anak yang baru dilahirkan. Dari segi syara' pula ialah binatang yang disembelih bagi anak yang baru dilahirkan.

198. Berikan dalil akikah?

Daripada Salman bin Amir al Dhabbi ra katanya, “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “ Bersama bayi itu terdapat akikah. Maka tumpahkanlah darah untuknya dan tanggalkan daripadanya perkara yang menyakitkan (kotoran dan najis)”. (Hadis al-Bukhari:5154)

199. Apakah hukum akikah?

Hukumnya adalah sunat. Sunat juga dilakukan pada hari ketujuh dilahirkan. Jika tidak mampu boleh dilakukan sebelum anak mencapai usia baligh. Jika usia sudah baligh tetapi masih belum diakikahkan, maka tanggung jawab ibu bapa telah gugur dan sebaiknya anak melakukan akikah untuk dirinya sendiri.

200. Berapa ekor kambing yang perlu diakikahkan?

Bagi anak lelaki dua ekor kambing dan bagi anak perempuan seekor kambing.

201. Jelaskan syarat-syarat akikah?

- Binatang sembelihan mestilah berada dalam keadaan sihat.
- Umur binatang sembelihan
 - Unta berumur 5 tahun lebih.
 - Lembu atau kerbau berumur 2 tahun lebih.
 - Kambing berumur 2 tahun atau telah bersalin gigi.
 - Kibas berumur 1 tahun atau telah bersalin gigi.
- Daging akikah sunat dipotong mengikut sendinya dengan tidak memecahkan tulangnya.
- Sunat disebut nama Allah dan nama anak yang dilahirkan ketika melakukan sembelihan.
- Tidak boleh berkongsi misalnya beberapa orang berkongsi seekor kambing untuk mengakikahkan anak-anak mereka.
- Sebaik-baiknya mengakikahkan dengan kambing, tetapi dibolehkan juga dengan unta, lembu dan kerbau.

202. Apakah yang harus dilakukan dengan daging akikah?
Sunat dibuat jamuan untuk dihidangkan kepada orang-orang miskin, ahli keluarga, jiran tetangga dan saudara–mara terdekat.
203. Apakah hikmah mencukur rambut bayi yang baru dilahirkan?
Tujuannya adalah untuk meningkatkan tahap kesihatan anak, membuka selaput kepala dan mempertajamkan daya penglihatan, pendengaran dan deria bau.
204. Apakah hikmah berakikah?
 - Sebagai tanda syukur kepada Allah SWT atas kurniaannya.
 - Melahirkan rasa gembira atas kelahiran anak.
 - Mengeratkan hubungan silatur rahim sesama muslim dengan menjamu mereka makan.
 - Sebagai tebusan anak tersebut dapat memberikan syafaat kepada ibu bapanya.
 - Mudah-mudahan dijauhkan anak tersebut dari bahaya dan kecelakaan.
205. Apakah yang dimaksudkan dengan khitan?
Khitan atau berkhitan bermaksud memotong kulit kulup yang menutupi kepala zakar bagi lelaki dan memotong sedikit hujung kelentit bagi perempuan.
206. Berikan dalil berkhitan?
Dari Abu Hurairah ra, Nabi SAW bersabda “Fitrah itu lima perkara atau lima perkara termasuk fitrah :- khatan, mencukur bulu kemaluan (lelaki atau wanita), mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan menggunting misai”.
(Riwayat al-Bukhari :5552)

207. Apakah hukum berkhitan?

Dalam mazhab As-Shafie hukum berkhitan adalah wajib. Berlandaskan hadis Nabi SAW “Buangkanlah daripadamu rambut kekufuran dan berkhitanlah”.

(Riwayat Abu Daud :356)

208. Bilakah waktu yang sesuai untuk berkhitan?

Seorang anak yang baru lahir disunatkan berkhitan ketika berumur tujuh hari. Jika dilewatkan memadai ketika berumur tujuh tahun. Ini disebabkan ketika berumur tujuh tahun mereka dilatih dan diperintahkan untuk mengerjakan solat yang perlu bersuci daripada najis.

209. Bagaimanakah cara berkhitan bagi wanita?

Wanita yang berkhitan tidak perlu memotong keterlaluan atau berlebihan dalam memotong bahagian yang dikhitan.

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW “Apabila engkau mengkhitan wanita, janganlah berlebihan dalam memotong bahagian yang dikhitan. Sesungguhnya ia lebih memberi manfaat (membahagiakan) wanita dan lebih menyenangkan bagi suami”.

(Riwayat Abu Daud :5271)

210. Apakah hikmah berkhitan?

- Memudahkan membersihkan kemaluan daripada najis.
- Membawa kepada kesempurnaan beragama.
- Membezakan di antara orang Islam dan bukan Islam.
- Mengawal daripada nafsu syahwat yang memuncak.
- Mengelakkan diri dari penyakit.
- Fitrah manusia yang sukakan kepada kesucian.

211. Anak –anak yang dibesarkan perlu ada bimbingan pesanan daripada ibu bapa. Apakah bentuk pesanan yang baik yang perlu dilakukan oleh ibu bapa?

Antara bentuk pesanan yang boleh dibuat kepada anak –anak :

- Mendidik anak tentang kepentingan menjaga solat semenjak umur tujuh tahun lagi.
- Adab dengan guru kerana keberkatan pendidikan bermula dari restu guru.
- Menghormati orang yang lebih tua.
- Beradab dan mengetahui hak-hak kejiranan walaupun jiran tersebut bukan muslim.
- Menjaga aurat dan mengetahui batas- batas aurat mengikut syariat.
- Beradab dengan kawan–kawan.
- Menjaga keselamatan diri sama ada dalam atau di luar rumah.
- Menjaga kepentingan masa atau membuat jadual waktu harian.
- Amalkan baca Al –Quran di dalam kehidupan seharian.

212. Anak–anak kecil suka dibelai, disentuh dan diajak bercerita tentang kisah yang boleh dijadikan iktibar? Apakah bentuk perceraaan yang baik bagi disematkan ke dalam minda anak-anak?

- Cerita kisah nabi dan rasul.
- Cerita kisah para sahabat.
- Cerita kisah orang soleh.
- Cerita kisah alim ulamak.
- Cerita kisah anak soleh dan solehah.
- Cerita kisah yang boleh dijadikan teladan.

213. Apakah faedah bercerita ini kepada kanak-kanak?

- Boleh merapatkan kasih sayang di antara anak dan ibu bapanya. Dengan kaedah sentuhan dan layanan mesra, anak-anak akan merasai lebih dihargai.
- Akan dapat terus masuk ke dalam fikiran mereka tentang ilmu yang diajarkan kerana anak-anak kecil mindanya mudah meresap untuk menimba ilmu.
- Untuk membentuk minat yang mendalam kepada anak-anak semejak dari kecil tentangkan cintakan ilmu pengetahuan.

- Anak-anak apabila meningkat dewasa nanti, mereka akan teringat sikap positif yang ditunjukkan kepada mereka semasa kecil oleh ibu bapa mereka.

214. Bagaimanakah kaedah bercerita yang baik kepada anak-anak?

- Dalam keadaan santai dan tidak formal.
- Posisi dekat yang boleh menyebabkan sentuhan dan belaian.
- Waktu yang sesuai dalam keadaan anak-anak telah pun bersedia untuk mendengarnya.
- Menunjukkan minat dan kesungguhan yang mendalam atas penceritaan tersebut seperti bahasa muka ketika sedih, gembira, terkejut dan sebagainya.

215. Bilakah masa yang sesuai untuk memberikan pandangan kepada anak-anak?

- Waktu makan .
Waktu itu merupakan waktu anak-anak berkumpul. Maka sesuaiilah ibu bapa memberikan pendapat atau menyuruh anak-anak makan berjemaah disamping mulakan dengan bacaan doa.
- Waktu perjalanan/musafir
Bapa akan bercerita tentang perkara yang boleh menyebabkan anak-anak mendapat pengajaran dan iktibar seperti menceritakan kisah silam bapanya ketika zaman susah sebelum berjaya seperti sekarang.
- Setelah sampai destinasi
Contohnya seorang bapa telah membawa anak-anak mereka melancung ke negara Arab. Sampai di tempat itu tentu banyak sejarah dan tempat pelancongan yang menarik. Bapa berperanan menceritakan sedikit sebanyak kesan dan jejak peninggalan para anbia' dan rasul .
- Rumah
Selepas waktu isyak dan sebelum tidur malam kerana waktu itu merupakan waktu yang sangat sesuai bapa menasihati atau menyampaikan wasiat kepada anak-anaknya.

216. Adakah panduan khusus bagi anak perempuan yang ingin keluar rumah?

- Mesti mendapat keizinan terlebih dahulu dari ibu bapa.
- Keluar dengan mahram atau kawan rapat yang dikenali .
- Tidak dibenarkan keluar dengan kawan lelaki.
- Tidak dibenarkan menaiki kenderaan dengan kawan lelaki.
- Keluar pada waktu malam atau sampai rumah pada waktu malam.
- Pastikan tempat yang keluar tersebut terselamat dari tempat yang boleh mengundang bahaya seperti lalu di lorong yang sunyi atau semak samun atau rumah kosong yang tiada penghuni.
- Jangan ikut orang yang tidak dikenali walaupun orang tersebut menyatakan niatnya yang baik ditakuti boleh berlaku kejadian samun, pukau, rogol dan sebagainya.

217. Bolehkah anak-anak menonton filem yang boleh dijadikan iktibar?

Anak-anak boleh menonton filem atau drama yang boleh dijadikan iktibar dan pengajaran dalam kehidupan seperti filem Jejak Rasul, Ibu Mertuaku, Si Tanggung Anak Derhaka, drama Tanah Kubur dan sebagainya. Dengan menonton drama tersebut, mudah-mudahan mereka akan dapat mengambil pengajaran dan iktibar dan boleh dijadikan panduan hidup.

218. Bolehkan seorang bapa menceritakan pengalaman yang lalu kepada anak-anak?

Seorang bapa boleh menceritakan pengalamannya yang lalu kepada anak-anak . Pengalaman yang baik dijadikan teladan dan pengalaman yang tidak baik dijadikan sempadan. Sebagai contoh dimasa lalu bapanya datang dari keluarga miskin dan sering dipinggirkan oleh penduduk kampung. Berkat kerja kuat bapanya untuk mengubah nasib keluarganya bapanya belajar bersungguh-sungguh sehingga sampai ke universiti dan berjaya menjawat jawatan yang tinggi. Untuk mendapatkan rasa teruja dan ingin tahu anak-anaknya, boleh dibuktikan dengan melihat album lama sebagai kenangan.

219. Apakah perkara yang perlu dititikberatkan kepada anak-anak dalam soal pendidikan?
- Akidah
Anak-anak perlu diajarkan konsep tauhid dalam kehidupan mereka. Tiga asas utama dalam rukun agama wajib diterapkan dan diaplikasikan iaitu iman, Islam dan ihsan.
 - Ibadah
Asas dalam ibadah terbahagi kepada dua bahagian iaitu ibadah umum dan ibadah khusus. Ibadah umum seperti bekerja, belajar, berpakaian, menziarahi, menolong orang dan sebagainya manakala ibadah khusus ialah solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya.
 - Akhlak
Anak-anak perlu ditarbiyah dengan mengamalkan sifat mahmudah (baik) seperti sabar, rajin, hormat menghormati, tekun, sangka baik dan menjauhi sifat mazmumah (keji) seperti malas, suka mengumpat, fitnah, hasad dan sebagainya.
220. Niat merupakan salah satu syarat untuk melakukan ibadah kepada Allah S.W.T. Ibu bapa perlu menasihati anak-anak agar memperbetulkan niat apabila ingin melakukan sesuatu pekerjaan. Apakah syarat-syarat utama untuk menjadikan sesuatu amalan itu menjadi ibadah?
- Niat yang betul.
 - Pelaksanaan mesti mengikut syariat Islam.
 - Amalan tersebut sah dan diiktiraf oleh agama Islam.
 - Tidak meninggalkan perkara yang wajib seperti solat.
 - Tidak bertujuan maksiat.
 - Mencari keridaan Allah S.W.T.
 - Ikhlas kerana Allah S.W.T.

221. Bolehkah mendidik anak dengan memberikan kemewahan?

Tidak boleh mendidik anak dengan memberikan kemewahan yang melampau walaupun keluarga tersebut mampu memberikan segala-galanya kepada mereka seperti pakaian mewah, kereta mewah, kediaman dan sebagainya. Sebaliknya didiklah mereka dengan kehidupan yang sederhana tetapi mencukupi supaya mereka belajar erti kehidupan dan bersyukur kepada Allah S.W.T dengan membandingkan dengan insan yang tidak berkemampuan seperti fakir dan miskin.

222. Bilakah masa yang sesuai untuk ibu bapa bermain dengan anak-anak?

Masa yang sesuai untuk anak-anak bermain dan beriadah dengan ibu bapanya ialah selepas subuh, selepas asar, di hujung minggu atau cuti persekolahan. Ibu bapa perlu meraikan anak mereka dengan membawa ke tempat riadah seperti taman permainan atau seumpamanya. Pilih permainan yang sesuai dengan umur anak-anak tersebut. Begitu juga ibu bapa boleh menyediakan tempat permainan untuk anak-anak di rumah sama ada permainan dalam bentuk dalaman atau luaran seperti badminton, pingpong, congkak, dam haji serta catur. Adalah lebih baik sekiranya berkemampuan membawa anak-anak untuk sukan memanah, berkuda dan sebagainya.

223. Siapakah idola terbaik untuk dijadikan sebagai role model dalam mendidik keluarga?

Rasulullah SAW merupakan contoh yang terbaik dalam memimpin negara, masyarakat serta keluarga. Keperibadian Rasulullah SAW yang begitu tinggi perlu diikuti, begitu juga kepimpinan Rasulullah SAW yang memimpin ummat sehingga tersebar luasnya Islam ke merata alam dengan petunjuk dan hidayah dari Allah. Rasulullah SAW bergurau dengan isteri dan cucu-cucu baginda dengan penuh kesopanan dan tertib. Baginda pernah berlari-lari dengan Saidatina Aisyah ra dengan keadaan berpura-pura kalah semata-mata untuk menjaga hati dan menggembirakan isteri baginda SAW. Nabi SAW juga selalu bermain dengan cucu baginda Saidina Hasan dan Saidina Husin sehinggakan pernah ketika baginda solat, cucu baginda Saidina Hasan ra dan Saidina Husin ra memanjat tengkuk baginda ketika baginda sujud. Baginda SAW membiarkan dengan begitu lama sehinggalah mereka turun.

224. Apakah bentuk amalan yang sesuai dilakukan oleh anak lelaki untuk meringankan beban ibu bapanya di dalam kehidupan seharian?

- Menolong ayahnya membuat kerja luar seperti berkebun dan bercucuk tanam.
- Menyapu sampah sarap.
- Membasuh kenderaan.
- Mengemas kawasan rumah.
- Menyiram pokok bunga.
- Membersihkan tandas.
- Menjaga adik beradik.
- Membantu membeli barang di kedai.

225. Apakah bentuk amalan yang sesuai dilakukan untuk anak perempuan?

- Mengemas rumah.
- Menghias rumah .
- Menyapu sampah sarap.
- Membasuh pinggan mangkuk.
- Membersihkan kawasan rumah.
- Membasuh pakaian.
- Menyidai pakaian.
- Melipat pakaian keluarga.
- Memasak makanan.
- Menghidang makanan untuk keluarga.

226. Semua insan inginkan anaknya menjadi soleh dan solehah. Bagaimanakah kaedah yang terbaik untuk menegur anak-anaknya supaya setiap teguran akan mendatangkan keputusan yang baik dan tidak merugikan kedua-dua pihak?

Kaedah yang sesuai mendidik anak –anak terbahagi kepada dua iaitu galakan (targhib) dan amaran (tarhib)

Kaedah	Ciri -ciri	Nisbah
Galakan (Targhib)	<ul style="list-style-type: none"> • Pujian • Belaian • Kata semangat • Dorongan • Galakan • Hadiah • Harapan • Penghargaan 	70-80%
Amaran (Tarhib)	<ul style="list-style-type: none"> • Hukuman • Amaran • Denda • Ugutan • Marah • Teguran • Kritikan • Rotan 	20-30%

227. Islam mengajarkan umatnya supaya mendidik anak solat semenjak dari kecil. Bagaimanakah cara yang sesuai untuk mendidik anak supaya solat?

Melatih anak-anak bersama-sama melakukan solat secara berjemaah semenjak berumur tujuh tahun lagi.

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “Suruhlah kanak-kanak mengerjakan solat apabila berumur tujuh tahun dan apabila sampai sepuluh tahun maka pukullah dia (atas solat yang ditinggalkan)”.

(Riwayat Abu Daud :494)

228. Mengapakah ibu biasanya lebih rapat dengan anak-anaknya?

- Naluri seorang ibu yang bersifat kewanitaan dengan sifatnya yang lemah lembut, sabar, pemaaf dan lebih memahami jiwa dan perasaan anak-anak.
- Ibu yang mengandungkan anaknya selama sembilan bulan lebih. Ibu yang berkongsi saluran pernafasan dan pemakanan yang sama
- Ibu yang menyusui, mengasuh, mendidik anak semenjak dari kecil. Dengan itu menyebabkan hubungan mereka sangat rapat di antara ibu dan anak.

- Air tangan ibu yang selalu memasak, menyediakan dan menyuapkan makanan kepada anaknya.
- Apa jua masalah yang berlaku dalam kehidupan mereka , ibulah orang yang pertama untuk mereka mengadu dan meluahkan perasaan dan meminta pertolongan.
- Ibu lebih memahami perasaan anaknya dan sanggup berkorban apa jua demi untuk melihat anaknya membesar dan bahagia.

229. Apakah acara yang sesuai dilakukan oleh anak–anak untuk meningkatkan kemahiran dalam pergaulan demi meningkatkan jati diri?

- Aktif dalam acara sukan sekolah seperti menyertai pasukan bola sepak, badminton, pingpong dan sebagainya.
- Aktif dalam pasukan badan beruniform seperti menyertai pasukan Pengakap, Bulan Sabit Merah, Pandu Puteri dan sebagainya.
- Menyertai acara ihtifal sekolah seperti tilawah Al-Quran, nasyid, pidato, kuiz dan sebagainya.
- Projek sekolah seperti pasukan bumi hijau yang melatih anak-anak bercucuk tanam.
- Gotong-royong yang dianjurkan oleh mana –mana agensi kerajaan dan swasta.
- Larian amal.
- Jamuan atau kenduri.
- Rombongan sekolah ke tempat-tempat yang bersesuaian.

230. Apakah tabiat baik yang perlu digalakkan oleh kedua ibu bapa dalam mendidik anaknya?

Amalkan tabiat suka membaca.

Ini telah dijelaskan dalam Al-Quran tentang ayat yang pertama diturunkan. Firman Allah SWT yang bermaksud “Bacalah wahai Muhammad dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmulah yang Maha Mulia. Yang mengajar manusia dengan pena dan tulisan. Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.

(Surah al ‘Alaq :ayat 1-5)

231. Bagaimanakah caranya untuk meningkatkan kemahiran membaca?

- Mewujudkan perpustakaan mini di rumah.
- Menonton TV yang boleh mendatangkan faedah dan meningkatkan ilmu pengetahuan seperti TV pendidikan.
- Menulis surat kepada sahabat baik seperti bertanyakan khabar dan perkembangan beliau yang terkini.
- Melanggan majalah.
- Melayari internet yang boleh mendatangkan impak positif tetapi perlu kawalan dan pemantauan dari ibu bapa.
- Membaca surat khabar.
- Membaca buku kisah kisah teladan.
- Membaca buku buku keagamaan.

232. Apakah kesan yang berlaku sekiranya anak-anak bertengkar dengan ibu bapa?

- Akan mendapat kemurkaan dari Allah SWT.
- Anak akan rasa hilang hormat kepada keduanya.
- Mereka akan rasa tidak dihargai di antara satu sama lain.
- Timbul rasa kebencian dan dendam di antara satu sama lain.
- Hubungan silaturahim sesama mereka akan menjadi renggang.
- Kehidupan akan menjadi tidak berkat.
- Tidak akan mendapat ketenangan jiwa.
- Rezeki akan menjadi semakin sempit.

233. Bagaimanakah cara untuk memupuk minat dan bakat anak-anak?

- Cuba kenal pasti kelebihan atau bakat anak anda.
- Bercerita dan bagikan contoh-contoh yang boleh dijadikan role model.
- Galakkan anak-anak untuk menyertai kegiatan ko-kurikulum yang dianjurkan oleh pihak sekolah.
- Menyertai pertandingan seperti melukis, mewarna, bercerita dan sebagainya.
- Melawat tempat-tempat yang mengadakan ekspo, pameran, aktiviti pentas dan pertandingan ilmiah.
- Menyertai pertandingan yang disiarkan di dalam majalah atau iklan.
- Sekiranya ibu bapa mempunyai bakat yang sama dengan anak ia dianggap sebagai satu bonus.

234. Apakah amalan yang perlu dilakukan supaya anak-anak yang dilahirkan di atas muka bumi ini berada dalam keadaan taat kepada perintah Allah S.W.T dan rasulnya?

Ibu bapa wajib mengajak anaknya supaya taat kepada perintah Allah S.W.T dan meninggalkan segala larangannya serta mengamalkan sunnah nabi Muhammad SAW. Perlu difahami bentuk perintah Allah S.W.T dihukumkan sebagai wajib, sunat, makruh, haram dan harus berdasarkan kaedah hukum yang telah disepakati oleh para ulamak. Begitu juga mengikut sunnah nabi Muhammad SAW samada dari perkataan, perbuatan, sifat dan takrir . Gunakanlah nama Allah S.W.T dan rasulnya setiap kali berbicara dengan anak-anak. Mudah-mudahan dengan sentiasa menyebut nama Allah S.W.T dan rasul akan melahirkan kecintaan yang mendalam dalam hati dan sanubari anak-anak. Kita perlu melatih anak-anak bahawa setiap gerak geri diperhatikan oleh Allah S.W.T sama ada ditempat yang terang atau sembunyi. Kita juga melatih anak-anak idola yang terbaik yang perlu dijadikan contoh ialah Rasulullah SAW.

235. Apakah aktiviti masa lapang yang perlu dibuat oleh anak-anak agar kehidupan mereka dipenuhi dengan amalan yang mulia serta dapat meningkatkan kemahiran diri?

Di sini dilampirkan beberapa aktiviti anak-anak yang boleh dilakukan di masa lapang bagi meningkatkan kreativiti dalam menjalani kehidupan mengikut kesesuaian masa dan kemampuan keluarga.

Mengasah bakat	<ul style="list-style-type: none"> • Melukis • Mewarna • Menjahit • Bernasyid • Bertaranum • Berpidato • Bercerita
Bersosial	<ul style="list-style-type: none"> • Menghadiri kenduri kahwin • Bergotong-royong • Menziarahi orang sakit • Menziarahi kematian • Majlis tahlil • Mengikuti rombongan

	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan diri dalam pertubuhan NGO dll • Menziarahi saudara mara
Bersukan	<ul style="list-style-type: none"> • Bola sepak • Badminton • Berenang • Berkuda • Memanah • Silat
Aktiviti agama	<ul style="list-style-type: none"> • Belajar al-Quran • Belajar tarannum • Belajar tajwid • Ceramah agama • Solat berjemaah • Forum perdana • Usrah • Halaqah • Qiamullail
Aktiviti luar	<ul style="list-style-type: none"> • Khemah Ibadah • Memancing • Menjala ikan • Berbasikal • Mendaki gunung • Berkelah • Melancong • Berkebun

236. Bolehkah anak-anak mengadakan sesi muzakarah bersama ibu bapanya dan apakah kepentingannya?

Boleh anak-anak bermuzakarah bersama ibu bapanya dan kepentingannya adalah:-

- Memberi peluang kepada anak-anak memberikan pendapat.
- Menjelaskan apa-apa yang musykil dan terbuka.
- Anak-anak boleh menjelaskan apa-apa yang ingin ditanya oleh ibu bapa.
- Anak-anak boleh mengemukakan idea yang baik.
- Mencari jalan penyelesaian jika ada masalah yang berbangkit.
- Bertukar-tukar pendapat di antara anak dan ibu bapa.
- Mengeratkan hubungan mesra di antara keluarga.

- Keterbukaan ibu bapa untuk mencari titik kebahagiaan dalam melayari bahtera kehidupan.
- Untuk mendapatkan maklumat yang sahih bila mendengar sesuatu berita yang tidak pasti.

237. Apakah garis panduan yang perlu ada sekiranya anak-anak ingin mengadakan sesi muzakarah bersama ibu bapanya?

- Perbincangan berada dalam keadaan harmoni.
- Mendapat persetujuan kedua-dua pihak.
- Kedua-dua pihak tidak boleh meninggikan suara.
- Jangan terkeluar dari tajuk perbincangan.
- Jangan menjatuhkan maruah ibu bapa.
- Jangan menggunakan fizikal atau kekerasan seperti menunjuk jari ke muka, menunjukkan simbol pergaduhan, menumbuk, merotan dan sebagainya.
- Masa yang sesuai.
- Jangan lari dari matlamat asal iaitu tujuan muzakarah untuk mencari titik persamaan atau menjernihkan yang keruh.

238. Bagaimanakah cara untuk merangsang minda anak-anak dari sudut pemakanan?

- Anak-anak perlu diberikan makanan yang seimbang, berzat dan berkhasiat.
- Anak –anak perlu diberikan makanan sunnah seperti kismis, madu, buah tin, buah zaitun, susu dan sebagainya.
- Pastikan anak-anak diberikan makanan yang halal serta berkhasiat (halalan toyyiban).

239. Semenjak kebelakangan ini ada segelintir ibu-ibu yang sibuk bekerja jarang menyusukan anak disebabkan sibuk dengan kerjaya dan tugas masing-masing. Apakah ada dalil dan kelebihan susu ibu?

Firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud “ Dan ibu- ibu hendaklah menyusui anak-anaknya selama dua tahun penuh, bagi yang ingin menyusui secara sempurna. Dan kewajiban ayah menanggung nafkah dan pakaian mereka dengan cara yang sepatutnya....”.

(Surah al-Baqarah :233)

Kelebihan susu ibu

- Susu ibu mempunyai kelebihan yang tersendiri mudah hadam dan lembut.
- Susu ibu sesuai untuk bayi secara semula jadi.
- Susu ibu terpelihara daripada kuman dan hama.
- Dari segi psikologi, aksi bayi ketika menyusukan anaknya akan dapat merapatkan rangsangan kasih sayang antara keduanya.
- Najis bayi yang minum susu ibu akan menjadi asidik dan ini menyebabkan ketidaksuburan pembiakan kuman dalam usus.

240. Apakah kelebihan anak yang minum susu ibu?

- Anak akan lebih mengasihi ibunya dan adik beradik berbanding dengan orang lain.
- Watak anak lebih sopan dan lemah lembut.
- Emosi anak stabil.
- Pembesaran anak dalam perwatakan yakin kepada diri sendiri.
- Anak tidak stress.
- Emosi anak berada dalam keadaan stabil.
- Minda anak hebat dan cemerlang.
- Fizikal anak lebih kuat berbanding dengan anak yang tidak menyusu ibunya.

241. Ibu-bapa yang baik inginkan anak-anak mereka berjaya di dunia dan akhirat. Setiap ibu-bapa sentiasa berdoa kepada Allah S.W.T. Bilakah waktu yang sesuai untuk berdoa dan berikan syaratnya?

Antara waktu mustajab untuk berdoa

- Selepas solat lima waktu.
- Sepertiga malam atau dua pertiga malam.
- Pada hari jumaat dan malamnya.
- Antara azan dan iqamah.
- Bulan Ramadhan.
- Pada waktu hampir berbuka puasa.
- Malam lailatul Qadar.
- Pada hari Arafah.
- Malam hari raya Aidil Fitri dan Aidil Adha.

Antara syarat berdoa

- Memuji Allah.
- Selawat kepada Rasulullah SAW, keluarga dan para sahabat.
- Memohon keampunan dosa kedua ibu bapa, muslimin dan muslimat.
- Ikhlas dan doa yang baik-baik sahaja.
- Berada dalam keadaan tenang dan tidak keluh kesah.

242. Apakah ciri-ciri anak yang berbakti kepada ibu bapa?

- Taat kepada ibu bapa
Anak-anak wajib taat kepada perintah ibu bapa dalam apa jua bentuk keadaan. Selagi mana suruhan tersebut berbentuk kebaikan melainkan suruhan tersebut berbentuk maksiat atau mengundang kemurkaan Allah. Dalam situasi sebegini tidak perlu diikuti seperti menyuruh meninggalkan solat, berjudi, menjadi pelacur dan sebagainya.
- Berbicara dengan lembut
Anak yang baik ialah anak yang berbicara dengan orang tuanya dalam keadaan penuh dengan sopan dan lemah lembut. Berbicaralah dengan penuh berhemah dan berhati-hati supaya kata-kata yang keluar dari bibir tersebut boleh menghiburkan dan menyejukkan perasaan ibu bapa.
- Mencium tangan ibu bapa
Apabila kita berjumpa dengan keduanya, pastikan kita mencium tangannya sebagai tanda kasih anak kepada orang tuanya. Begitu juga apabila kita mahu berpisah atau balik ke tempat kerja atau rumah kediaman, hendaklah memohon restu dan mencium tangan keduanya dan meminta ampun dan maaf kerana reda Allah terletak pada reda ibu bapa.
- Berdiri sebagai tanda menghormati
Bila kita bertemu dengannya hendaklah dalam keadaan kita bangun atau berdiri sebagai tanda hormat, lebih-lebih lagi apabila mereka datang berjumpa dengan kita di pejabat, rumah kediaman dan sebagainya. Kita boleh menghormati bos di

pejabat, pemimpin dan ketua kita, dengan ibu bapa sepatutnya lebih layak kita bagi kedudukan yang lebih daripada itu.

- Memelihara kehormatan dan maruah ibu bapa
Apabila ada kekurangan atau keaiban kedua ibu bapa, anak-anak tidak perlu menceritakan atau menghebahkan kepada orang luar seperti kawan-kawan, rakan sepejabat dan saudara mara. Sekiranya keduanya mengetahui, tentulah mereka akan berasa kecil hati atau mengguris perasaannya. Sebolehnya simpanlah rahsia keduanya dan kita doakan yang baik-baik untuk mereka.
- Memperbanyakkan doa
Anak yang baik ialah anak yang sentiasa mendoakan kedua ibu bapanya tanpa mengira waktu. Sebaik-baiknya adalah selepas solat lima waktu mendoakan agar keduanya diampunkan dosa oleh Allah SWT sebagaimana mereka mengasuh dan mendidik kita semenjak kita dilahirkan di dunia ini. Berdoa kepada Allah SWT sekiranya keduanya telah menemui Allah SWT, agar rohnyanya dirahmati dan diletakkan di dalam taman syurga Allah SWT bersama para nabi, wali, orang mati syahid serta para solihin.
- Bersedia membantu
Sekiranya ibu bapa memerlukan sesuatu daripada anaknya, cubalah membantu sedaya upaya yang boleh mengikut kemampuan anak-anaknya, cubalah memenuhi hasrat dan impiannya agar keduanya dapat merasai nikmat atau hajatnya. Semasa hidup di dunia inilah untuk kita raikan keduanya agar mereka mendapat rasa bahagia sebagaimana yang dikecapi oleh orang lain. Bantuan ini adalah dalam bentuk pelbagai seperti wang ringgit, tenaga dan sebagainya.
- Keluar dengan kebenaran
Anak-anak yang baik akan meminta izin terlebih dahulu dari keduanya apabila hendak keluar dari rumah. Terlebih dahulu memberitahu mereka hendak keluar ke mana tujuan dan dengan siapa keluar, supaya hati ibu bapa tidak tertanya-tanya arah dan tujuan keluar. Pastikan anak-anak tidak berbohong apabila mereka hendak keluar kerana bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini akan berlaku pada masa akan datang.

- Memberikan ketenangan
Bila kita bersama dengan ibu bapa eloklah kita memberikan ketenangan dan kebahagiaan kepada keduanya. Sikap kita di dalam rumah yang sentiasa menyejukkan hati keduanya, dalam keadaan ceria dan menghiburkan keduanya agar mereka sentiasa merasakan seolah-olah rumah itu diibaratkan seperti syurga.
- Mendahulukan ibu bapa
Anak yang baik, dia akan mengutamakan kedua ibu bapanya dari orang lain. Bantuan dan layanan yang baik terlebih dahulu diutamakan kepada keduanya berbanding dengan orang. Lebih – lebih lagi terdapat segelintir di kalangan masyarakat hari ini mengutamakan orang lain dari keduanya. Ada di antara ibu bapanya yang susah dan hidup merempat di kampung, tinggal di rumah usang sedangkan anak anak hidup dengan serba kemewahan .
- Jangan mencela
Jangan mencela mereka walaupun mereka melakukan perkara yang tidak baik seperti menggunakan perkataan maki hamun, sumpah seranah, bertempik, mengherdik dan sebagainya. Tanpa mereka kita tidak akan lahir ke dunia ini. Andai kata mereka melakukan maksiat sekalipun tegurlah mereka dengan penuh hikmah dan kasih sayang dan sentiasa berdoa dan mengadu kepada Allah.
- Tidak tertawa di hadapan mereka
Janganlah kita tertawa di hadapan keduanya, dikhuatiri ketika itu mereka sedang menghadapi kesulitan dan masalah yang besar. Dengan kelakuan yang keterlaluan itu menyebabkan masalah yang dihadapi oleh mereka akan bertambah kusut dan menyebabkan mereka sedih dan menderita.
- Meminta izin
Tidak keluar rumah melainkan meminta izin dari keduanya, tidak memakan makanan yang berada di hadapan ibu bapa melainkan meminta izin terlebih dahulu, tidak berbaring di hadapan keduanya melainkan meminta izin terlebih dahulu darinya, tidak berkahwin dengan pasangan melainkan mendapat restu dan keizinan darinya. Kesimpulannya, meminta izin dari keduanya akan

mendatangkan kesan baik dan restu keduanya akan mendatangkan keberkatan di dalam hidup.

243. Apakah keistimewaan yang diberikan oleh Allah kepada anak-anak yang berbuat baik kepada ibu bapa?
- Dikasihi oleh Allah
Orang yang berbakti kepada kedua ibu bapa akan dikasihi oleh Allah SWT sebagaimana yang diriwayatkan dari Ibn Mas'ud bahawa Rasulullah SAW pernah ditanya, wahai Rasulullah SAW, apakah amalan yang paling dicintai oleh Allah SWT, maka Rasulullah SAW menjawab, solat pada awal waktu, aku bertanya lagi, kemudian apa? Maka Rasulullah SAW menjawab, berbakti kepada orang tua". (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)
 - Dapat menghilangkan kesusahan
Anak yang berbakti kepada orang tua akan dapat menghilangkan kesusahan di dalam hidupnya. Rezeki orang yang sentiasa berbuat baik kepada orang tua melimpah ruah dan Allah SWT bagikan rezeki dengan jalan yang tidak disangka-sangka. Banyak contoh boleh dilihat di luar sana orang yang menolong ibu bapanya kehidupannya berubah ke arah kebaikan dan rezekinya mencurah-curah .
 - Panjang umur
Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud " Sesiapa yang ingin dipanjangkan umurnya dan ditambahkan rezekinya, maka hendaklah dia berbakti kepada kedua ibu bapanya dan menyambung hubungan kekerabatan dengan kedua-duanya". (Riwayat Ahmad)
 - Doa anak mustajab
Anak-anak yang berbakti kepada kedua ibu bapa, doanya akan dimakbulkan oleh Allah SWT di dunia lagi. Kasihnya mereka kepada keduanya membawa reda Allah SWT di dunia mahupun di akhirat.
 - Doa ibu bapa mustajab
Apabila melahirkan anak yang soleh dan solehah, kesannya kembali kepada ibu bapanya yang telah mendidik dan mengasuh mereka semenjak dari kecil. Itulah impian sebenarnya, mereka ingin melihat anaknya berjaya di dunia dan akhirat.

244. Apakah ciri-ciri anak yang derhaka dan kesannya dalam kehidupan?

- Mengungkapkan perkataan yang tidak sopan kepada ibu bapa seperti menengking, mengherdik , mencela dan sebagainya. Sebagai anak berkata dengan perkataan “oh” tidak dibenarkan , apatah lagi mengeluarkan perkataan yang keji dan kesat.
- Tidak melayani mereka dengan penuh kasih sayang, bersikap acuh tidak acuh apabila ibu bapanya menziarahinya. Ada yang memberikan makanan kepada ibu bapanya dengan makanan lebihan yang sudah dimasak berminggu-minggu.
- Memandang wajah keduanya dengan pandangan yang benci dan meluat. Seolah-olah ibu bapanya banyak menyusahkan kehidupan sehingga kehadiran mereka menjadi satu beban dan menyusahkan kehidupannya.
- Selalu menyusahkan keduanya setiap masa dan ibu bapanya banyak berkorban untuk dirinya seperti wang ringgit, masa dan tenaga demi tidak mahu melihat anaknya susah di kemudian hari. Sekiranya ibu bapanya tidak berbuat demikian anaknya akan menengking dan menunjukkan sikap biadab.
- Mengutamakan orang lain selain dari keduanya. Apabila ibu bapa meminta bantuan bermacam- macam alasan yang diberikan, tetapi bila orang lain meminta bantuan terus saja membantu tanpa memberikan banyak soal. Ingatlah wahai anak-anak.
- Mengutamakan anak-anak dan isteri lebih daripada mengutamakan ibu bapanya terutamanya bagi anak lelaki. Tanggung jawab anak lelaki terhadap kedua ibu bapanya adalah sampai keduanya dijemput oleh Allah SWT (meninggal dunia).

Kesannya apabila anak–anak melakukan perkara yang sedemikian, kehidupannya tidak mendapat keredaan Allah SWT sama ada di dunia mahupun di akhirat, kehidupannya tidak bahagia, rezekinya sentiasa sempit dan doanya tidak dimakbulkan oleh Allah SWT.

245. Anak yang baik akan berkawan dengan sahabat yang baik. Apakah ciri - ciri sahabat yang baik?

- Pilihlah sahabat yang yang boleh dijadikan role model dalam kehidupan. Di mana sahabat itu akan mengingatkannya apabila kita lalai dan alpa. Lebih-lebih lagi sahabat yang menegur kita kerana Allah SWT.
- Pilihlah sahabat yang melindungi sahabatnya seperti mana peristiwa semasa hijrah Rasulullah SAW ke Madinah yang ditemani Saidina Abu Bakar ra yang sanggup berkorban melindungi diri baginda SAW daripada dipatuk oleh ular dan sanggup mengorbankan harta, diri dan masa ke jalan Allah SWT.
- Jika kita kekurangan perbelanjaan , dia sanggup berkorban meringankan bebanan yang kita tanggung. Susah sama susah senang sama senang.
- Sahabat apabila kita memberikan bantuan, dia menerima dengan penuh rasa gembira dan terharu. Pemberian kita tersebut dihargai dengan sepenuhnya.
- Jika dia melihat kebaikan yang pernah kita lakukan, dia akan menyebut-nyebutnya selalu dan jika dia mengetahui keburukan dan aib yang kita lakukan dia akan menutupnya.
- Jika engkau diam, dia akan menyapamu terlebih dahulu dan bertanya khabar, sekiranya kita dilanda masalah dan kerungsingan dia akan cuba membantu sedaya upaya yang mampu.
- Sahabat jika engkau berselisih pendapat atau pandangan yang berbeza, dia akan suka mengalah demi tidak mahu mengeruhkan suasana dan keadaan.
- Sahabat jika engkau berada di dalam keadaan sedih, dia akan sama turut merasai kesedihan dan merasa simpati dan empty. Ia diibaratkan cubit peha kiri peha kanan pun akan terasa sakitnya.

246. Bagaimana pula sahabat yang perlu dijaui?

- Sahabat yang mencerca hukum hakam Allah SWT. Mereka yang merasakan hukum hakam yang Allah SWT tetapkan adalah sia-sia dan menyusahkan apabila kita mengikut ajaran Al-Quran. Mereka beranggapan semua yang ada di dalam Al-Quran adalah ketinggalan zaman.
- Sahabat yang tidak disenangi oleh ibu bapa apabila kita berkawan dan bergaul dengannya. Ini kerana mungkin ada dari sudut pandangan mata hati ibu bapa kawan itu patut dijaui disebabkan masalah yang hanya diketahui oleh mereka.
- Tamak dengan harta benda. Ini menyebabkan hati kita akan menjadi keras dan hidup ini terlalu cintakan dunia. Bila sikap ini ada pada kita, sedikit sebanyak akan mempengaruhi gaya hidup kita.
- Hipokrit dengan kita. Bila berdepan dia menunjukkan sikap yang sangat baik dan di belakang dia telah mengutuk sehingga segala aib dan kekurangan kita diceritakan kepada orang lain.
- Sahabat yang suka mengampu dan memuji kita secara berlebihan. Tidak menegur malah mengiakan perbuatan kita walaupun perbuatan yang kita lakukan adalah salah dari segi agama.
- Sahabat yang suka berhibur. Kita semua sedia maklum bahawa hukum berhibur asalnya adalah harus, tetapi apabila telah melampau batas dan telah jauh menyimpang dari ajaran Islam, ia akan mengundang kemurkaan Allah SWT.
- Sahabat yang selalu mengajak kita membuat maksiat. Pepatah ada mengatakan bila berkawan dengan orang bekerja di kilang arang sedikit sebanyak kita akan mendapat hitamnya, berkawan dengan orang bekerja membuat besi kita akan mendapat karatnya. Sebaliknya pilihlah kawan soleh yang sentiasa membimbing kita ke jalan Allah SWT.
- Sahabat yang tidak suka apabila kita ada kelebihan darinya. Dia akan berasa cemburu dan sedaya upaya akan menikam kita dari belakang. Dia tidak senang dengan apa yang ada pada kita seperti harta, pangkat, kedudukan, ilmu, kelulusan dan sebagainya.

247. Apakah ramuan yang terbaik untuk menjadi sahabat baik?

- Berdoa kepada Allah SWT agar dikurniakan sahabat yang membawa diri ke jalan yang diredai Allah SWT. Dalam keadaan zaman yang canggih sekarang ini kita akan berjumpa dengan ramai kawan. Walaupun rambut sama hitam tetapi hati tidak ada siapun yang tahu.
- Apabila kita bertemu dengan sahabat, kita mulakan terlebih dahulu dengan memberi salam dengan memberikan penghormatan kepada orang yang kita temui sebagai tanda memuliakan sahabat.
- Memanggil dengan nama yang baik atau yang disukai. Sesetengah orang bila berkawan dipanggil dengan nama yang tidak baik, dikhuatiri boleh menyinggung perasaannya. Sedangkan di dalam Islam kita disuruh memanggil dengan gelaran yang baik sebab ia merupakan doa.
- Menumpukan perhatian apabila sahabat bercakap. Mendengar dengan bersungguh-sungguh tanpa memotong percakapannya atau terus mengalih kepada isu yang lain. Ini menyebabkan percakapannya akan tergantung dan tidak sampai kepada matlamatnya.
- Menyampaikan pujian orang lain terhadap sahabatnya. Tujuannya adalah untuk memberikan galakkan kepadanya sebagai satu suntikan semangat dan motivasi supaya amalan yang baik itu perlu diteruskan.
- Tidak menyampaikan kejian dan umpatan orang kepadanya. Tidak perlu menjadi orang tengah atau menjadi batu api untuk mengeruhkan keadaan yang berlaku.
- Apabila kita melihat atau mendengar sahabat kita berada di dalam keadaan kesusahan bantulah dengan segera tanpa kita menunggu dia memintanya. Itulah nilainya sahabat yang baik sentiasa perihatin terhadap sahabatnya yang berada di dalam kesusahan.
- Mengutamakan kepentingan sahabat dari kepentingan diri sendiri. Mendahulukan kepentingan orang memerlukan pengorbanan yang sangat tinggi. Sesiapa yang dapat melakukan dengan ikhlas ia berada dalam kedudukan yang sangat mulia.

- Memberikan nasihat apabila melihat sahabat kita telah menyimpang jauh dengan memberikan teguran dengan penuh hikmah dan bijaksana. Sahabat yang menegur kita apabila kita melakukan kesalahan atau maksiat merupakan sahabat yang sejati.
- Memaafkan kesalahan yang dilakukan oleh sahabat kita dan mengajaknya kembali ke pangkal jalan. Jangan mengungkit kesalahan dan kekurangan yang dilakukan kerana setiap manusia tidak lari dari melakukan kesalahan seperti kata pepatah “ bumi mana yang tidak ditimpa hujan”.
- Sekiranya sahabat kita memohon maaf, segeralah memaafkan kesalahan yang dilakukan tanpa menyelidiki satu persatu. Serahkan kepada Allah kesalahannya. Orang mendahului meminta maaf itu merupakan orang yang mulia di sisi Allah SWT.
- Cuba elakkan berkelahi dengan perkara yang remeh temeh kerana ia akan merugikan kita. Kadang-kadang daripada perkara yang kecil itulah menyebabkan berlakunya perseteruan dan permusuhan.
- Jangan suka mendesak apabila kita memohon sesuatu hajat. Apabila kita suka mendesak akan mengundang rasa ketidakselesaan kawan kita. Mintalah dengan penuh hikmah dan bijaksana kerana jika dia merupakan sahabat yang baik, dia lebih memahami apa yang berlaku.
- Memberi hadiah sempena hari lahirnya mengundang rasa keakraban apabila bersahabat. Walaupun hadiahnya tidak seberapa, yang penting nilai ingatan dalam persahabatan.
- Memupuk semangat kasih sayang hingga ke akhir hayat. Kita berkawan eloklah berkekalan hingga ke akhir hayat. Orang yang memutuskan silaturrahim mengundang kemurkaan Allah SWT.
- Bersahabat kerana Allah SWT, kerana apabila seseorang itu bersahabat dan berkasih sayang kerana Allah SWT, in sya allah akan mendapat pertolongan Allah SWT di akhirat kelak.

- Mendoakan sahabat sama ada yang masih hidup ataupun telah meninggal dunia. Sebaik baik sahabat ialah kita mendoakan kebahagiaannya dalam keadaan mereka tidak mengetahui.

248. Apakah perkara yang perlu dititik beratkan pada anak –anak demi kepentingan masa depannya?

Anak-anak perlu diingatkan tentang betapa pentingnya menjaga masa. Masa diibaratkan seperti pedang jika kita tidak memotongnya ia akan memotong kita. Masa yang berlalu tidak akan dapat berundur lagi. Jadi penuhilah masa yang diberikan oleh Allah SWT untuk melakukan perkara yang berfaedah.

Ini dijelaskan dalam hadis di mana Rasulullah SAW bersabda “Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara ; Masa mudamu sebelum datang tuamu, sihatmu sebelum sakitmu, kayamu sebelum miskinmu, masa lapang sebelum kamu sibuk dan hidupmu sebelum matimu”.
(Riwayat al-Hakim:7846)

Selepas mati nanti kita akan disoal tentang masa yang dibagi kepada kita semasa hidup di dunia ini. Jadi kita gunakanlah dengan sebaiknya sebelum kita dijemput oleh Allah SWT.

249. Berikan dalil di dalam Al-Quran tentang perintah berbuat baik kepada kedua ibu bapa?

Banyak dalil di dalam Al-Quran tentang perintah berbuat baik kepada kedua ibu bapa antaranya telah dinyatakan dalam Al-Quran.

Maksudnya “ Dan kami perintahkan manusia untuk berbuat baik kepada kedua-dua orang tuanya. Ibunya telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusukannya sekitar dua tahun, bersyukur kepada-Ku dan kepada kedua-dua orang tuamu, hanya kepada-Ku kembalimu, dan jika kedua-duanya memaksamu untuk mempersekutukan Aku dengan sesuatu yang kamu tidak ada pengetahuan tentangnya, maka janganlah kamu mengikuti kedua-duanya dan bergaullah dengan kedua-duanya di dunia ini dengan baik dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada-Ku, kemudian hanya kepada-Ku kembali mu, maka Aku beritakan kepada mu apa yang telah kamu kerjakan.

(Surah Luqman :ayat 14 hingga 15)

250. Berikan contoh anak soleh yang sanggup berkorban demi ibunya?

Uwais al-Qarani merupakan seorang tabi'in yang zuhud dan bertakwa kepada Allah. Dia terkenal sebagai seorang yang sangat hormat kepada ibunya. Dia sanggup menjaga ibunya yang uzur walaupun dia hidup dalam keadaan kesusahan. Beliau hidup di zaman Rasulullah SAW tetapi tidak sempat melihat wajah Rasulullah SAW kerana menjaga ibunya yang telah tua dan uzur di kampung halamannya di Yaman. Kerinduannya untuk berjumpa Rasulullah SAW dipendam kerana menjaga ibunya yang uzur. Pengorbanan Uwais al Qarani dinyatakan oleh Rasulullah SAW kepada apara sahabat, "Akan datang nanti seseorang, maka mohonlah kepada dia supaya diampunkan dosa-dosa kamu".
(Riwayat Muslim)

Uwais al –Qarani terkenal di langit tetapi tidak terkenal di bumi. Apabila dia berdoa terus sampai kepada Allah SWT. Salah satu di antara punca doa dimakbulkan oleh Allah SWT ialah pengorbanan yang sungguh luar biasa ditunjukkan oleh Uwais al-Qarani terhadap ibunya. Allah SWT tidak pandang dari segi luaran tetapi Allah SWT pandang dari hati dan amalannya yang ikhlas kepada Allah SWT. Mudah mudahan kisah teladan yang ditunjukkan oleh Uwais al-Qarani memberikan semangat kepada kita untuk berbakti kepada ibu bapa kita.

Kesimpulannya, wahai anak-anak yang masih mempunyai ibu bapa di dunia ini, berkorbanlah dengan apa jua keadaan sekalipun walaupun dengan jiwa dan raga bagi memastikan ibu bapa kita dihormati, diberikan kebajikan, dibelai dengan penuh kasih sayang sebelum ibu bapa kita kembali mengadap Allah SWT. Jangan lupa setiap kali selepas solat lima waktu mendoakan ibu bapa kita agar diampunkan segala dosa yang telah mereka lakukan sebagaimana bayi yang baru lahir di dunia ini bersih ibarat kain kapas dan andai kata ibu bapa kita telah kembali kepada Allah SWT, doakan agar roh mereka berada di dalam taman syurga bersama roh para nabi, orang yang benar, orang yang mati syahid dan orang yang soleh. **Aamiin...**